

**PERSEPSI MASYARAKAT INDIA TERHADAP AMALAN
PERAYAAN “CHITHIRAI PUTHANDU” DI NILAI,
NEGERI SEMBILAN**

JEKATHISWARY A/P SANASY NAIDO

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

UNIVERSITI

MALAYSIA

KELANTAN

2026



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

**PERSEPSI MASYARAKAT INDIA TERHADAP AMALAN
PERAYAAN “CHITHIRAI PUTHANDU” DI NILAI,
NEGERI SEMBILAN**

Oleh:

JEKATHISWARY A/P SANASY NAIDO

Projek Penyelidikan ini disediakan untuk memenuhi syarat kelayakan bagi
Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan dengan Kepujian

Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

2026

PERAKUAN TESIS

Saya dengan ini memperakukan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan oleh ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau institusi.

- | | | |
|-------------------------------------|----------------|---|
| ☒ | TERBUKA | Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh). |
| ☐ | SEKATAN | Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau dalam talian (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Prasiswazah.

Dari _____ tarikh hingga _____ |
| ☐ | SULIT | Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)* |
| ☐ | TERHAD | Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)* |

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut :


1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Kelantan.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.

Tandatangan Utama

Tandatangan Penyelia



JEKATHISWARY A/P SANASY NAIDO C22A0032



Dr. Ainul Wahida binti Radzuan
 Senior Lecturer
 Department of Heritage Studies
 Faculty of Creative Technology and Heritage
 Universiti Malaysia Kelantan (UMK)
 16300, Kelantan, Malaysia

Tarikh: 4 FEBRUARI 2026

Tarikh: 4.2.2026

Nota * Sekiranya Tesis ini adalah SULIT atau TERHAD, sila keipilkan bersama surat daripada organisasi dengan menyatakan tempoh dan sebab-sebab kerahsiaan dan sekatan.

PENGHARGAAN

Selamat sejahtera. Setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan kerana dengan sokongan dan kerjasama daripada pelbagai pihak, saya telah berjaya menyiapkan kajian ini dalam tempoh yang telah ditetapkan oleh pihak fakulti. Terlebih dahulu saya dengan ikhlas ingin mengucapkan terima kasih kepada penyelia saya Dr. Ainul Wahida Binti Radzuan atas segala sokongan, tunjuk ajar, nasihat dan bimbingan yang diberikan sepanjang penyelidikan dan penulisan tesis ini. Saya amat menghargai segala nasihat dan dedikasi yang diberikan membantu menjayakan kajian ini. Di samping itu, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak institusi iaitu Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan Universiti Malaysia Kelantan di atas kemudahan dan peluang yang membolehkan kajian ini dijalankan dengan jayanya khususnya berkaitan kaedah dan pelaksanaan kajian lapangan.

Seterusnya, ucapan terima kasih kepada ibu bapa saya dan ahli keluarga yang lain atas sokongan moral, doa dan persefahaman yang tidak berbelah bagi sepanjang penghasilan tesis ini. Tidak dilupakan, sekalung penghargaan kepada rakan-rakan seperjuangan yang banyak membantu saya sepanjang penyelidikan ini dengan memberikan pengetahuan dan pendapat antara satu sama lain. Segala bimbingan yang diberikan amat saya hargai dan kenang sepanjang hayat.

Akhir kata, ucapan terima kasih juga ditujukan kepada semua yang membantu menjayakan kajian ini sama ada secara langsung atau tidak langsung. Semoga kajian ini dapat memberi panduan kepada pembaca dan pengkaji di masa akan datang.

Sekian, terima kasih.

PERSEPSI MASYARAKAT INDIA TERHADAP AMALAN PERAYAAN “CHITHIRAI PUTHANDU” DI NILAI, NEGERI SEMBILAN

ABSTRAK

Perayaan tradisional merupakan salah satu bentuk warisan budaya tidak ketara yang berperanan penting dalam mengekalkan identiti dan ingatan kolektif sesuatu komuniti. Chithirai Puthandu, atau Tahun Baharu Tamil, ialah perayaan keagamaan dan kebudayaan yang signifikan dalam kehidupan masyarakat India di Malaysia. Namun, perubahan gaya hidup moden dan tahap penglibatan generasi muda yang semakin berkurangan menimbulkan cabaran terhadap kelestarian amalan perayaan ini. Sehubungan itu, kajian ini bertujuan untuk (i) mengenal pasti amalan Chithirai Puthandu dalam kalangan masyarakat India di Nilai, Negeri Sembilan, (ii) menganalisis persepsi generasi muda terhadap perayaan ini, dan (iii) menilai langkah-langkah yang relevan dalam melestarikan Chithirai Puthandu sebagai warisan budaya tidak ketara. Kajian ini menggunakan pendekatan kaedah campuran melalui reka bentuk etnografi dan survei. Data kualitatif dikumpulkan melalui temu bual tidak berstruktur dan pemerhatian tanpa penglibatan, manakala data kuantitatif diperoleh melalui edaran borang soal selidik melibatkan 300 orang responden. Teknik pensampelan bebola salji digunakan bagi pemilihan informan, sementara pensampelan rawak digunakan untuk responden survei. Data kuantitatif dianalisis secara deskriptif, manakala data kualitatif dianalisis menggunakan analisis tematik. Dapatan kajian menunjukkan bahawa majoriti masyarakat India di Nilai masih menyambut Chithirai Puthandu melalui pelaksanaan ritual keagamaan, pemakaian pakaian tradisional, penyediaan makanan tradisional, dan aktiviti kekeluargaan. Analisis tematik mengenal pasti beberapa tema utama, iaitu kefahaman terhadap makna dan tarikh sambutan, amalan ritual dan keagamaan, kepentingan budaya dan kekeluargaan, usaha pemeliharaan warisan, serta cabaran sambutan yang merangkumi faktor ekonomi, sosial, teknologi dan pemodenan. Walaupun tahap penglibatan generasi muda didapati sederhana, mereka masih mengiktiraf kepentingan Chithirai Puthandu sebagai lambang identiti dan warisan budaya masyarakat India. Kajian ini menegaskan kepentingan kesinambungan Chithirai Puthandu dan diharap dapat menjadi rujukan kepada pihak berkepentingan dalam usaha pemeliharaan, dokumentasi budaya dan pengukuhan penglibatan generasi muda.

Kata Kunci: Chithirai Puthandu, Warisan Tidak Ketara, Masyarakat India, Generasi Muda, Kelestarian Budaya

PERCEPTIONS OF THE INDIAN COMMUNITY TOWARDS THE PRACTICE OF “*CHITHIRAI PUTHANDU*” IN NILAI, NEGERI SEMBILAN

ABSTRACT

Traditional festivals constitute an important form of intangible cultural heritage that plays a significant role in sustaining collective memory and cultural identity within a community. *Chithirai Puthandu*, or the Tamil New Year, is a religious and cultural celebration that holds symbolic meaning for the Indian community in Malaysia. However, changes in modern lifestyles and the declining involvement of younger generations have raised concerns regarding the sustainability of this traditional celebration. Accordingly, this study aims to (i) identify the practices of *Chithirai Puthandu* among the Indian community in Nilai, Negeri Sembilan, (ii) examine the perceptions of the younger generation towards this celebration, and (iii) analyse relevant measures for sustaining *Chithirai Puthandu* as an element of intangible cultural heritage. This study adopts a mixed-methods approach employing an ethnographic and survey research design. Qualitative data were collected through unstructured interviews and non-participant observation, while quantitative data were obtained through questionnaire surveys involving 300 respondents. Snowball sampling was used to select informants, whereas random sampling was applied in the selection of survey respondents. Quantitative data were analysed using descriptive analysis, while qualitative data were examined through thematic analysis. The findings indicate that the majority of the Indian community in Nilai continue to celebrate *Chithirai Puthandu* through religious rituals, cultural practices, traditional attire, preparation of traditional food, and family-oriented activities. Thematic analysis revealed several key themes, including understanding of the meaning and date of the celebration, religious and ritual practices, cultural and familial significance, heritage preservation efforts, and challenges related to economic, social, technological, and modernisation factors. Although the younger generation demonstrates a moderate level of awareness and participation, they continue to recognise *Chithirai Puthandu* as an important symbol of identity and cultural heritage. This study highlights the ongoing relevance of *Chithirai Puthandu* and provides insights for stakeholders in developing initiatives related to heritage preservation, cultural documentation, and enhanced youth engagement.

Keywords: Chithirai Puthandu, Intangible Cultural Heritage, India Community, Youth, Cultural Sustainability

ISI KANDUNGAN

	HALAMAN
PERAKUAN TESIS	i
PENGHARGAAN	ii
ABSTRAK	iii
ABSTRACT	iv
ISI KANDUNGAN	vii
SENARAI RAJAH	viii
SENARAI JADUAL	ix
BAB 1: PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Permasalahan Kajian	5
1.3 Persoalan Kajian	7
1.4 Objektif Kajian	7
1.5 Skop Kajian	8
1.6 Lokasi Kajian	9
1.7 Kepentingan Kajian	11
1.8 Struktur Projek Penyelidikan	12
BAB 2: KAJIAN LITERATUR	
2.1 Pengenalan	13
2.2 Warisan Tidak Ketara	13
2.3 Perayaan	15
2.4 Perayaan Di Malaysia	17
2.5 Chithirai Puthandu	20
2.6 Amalan Chithirai Puthandu	23

2.7	Pemeliharaan Warisan Tidak Ketara	24
2.8	Aplikasi Teori: Teori Identiti Budaya Stuart Hall	26
2.9	Kesimpulan	28
BAB 3: METODOLOGI KAJIAN		
3.1	Pengenalan	29
3.2	Pendekatan Kajian: Kaedah Campuran	29
	3.2.1 Pendekatan Kualitatif	30
	3.2.2 Pendekatan Kuantitatif	30
3.3	Reka Bentuk Kajian: Etnografi	30
3.4	Kaedah Pengumpulan Data	31
	3.4.1 Kaedah Temu Bual	31
	3.4.2 Kaedah Pemerhatian	32
	3.4.3 Kaedah Survei	32
3.5	Sumber Data	34
	3.5.1 Data Primer	34
	3.5.2 Data Sekunder	34
3.6	Alat Bantu Kajian	34
3.7	Pensampelan Kajian	35
3.8	Analisis Data	37
3.9	Kesimpulan	43
BAB 4: DAPATAN KAJIAN		
4.1	Pengenalan	44
4.2	Demografi	45
4.3	Tahap Kefahaman Konsep, Tarikh Sambutan serta Asas Astronomi Chithirai Puthandu	51

4.4	Ritual yang diamalkan dalam Sambutan Chithirai Puthandu	55
4.5	Menilai Amalan Keagamaan dan Amalan Budaya dalam Chithirai Puthandu	60
4.6	Pemeliharaan dan Pengekalan warisan Chithirai Puthandu	66
4.7	Persediaan Sambutan Perayaan Chithirai Puthandu	69
4.8	Kepentingan Chithirai Puthandu	82
4.9	Cabaran Sambutan Chithirai Puthandu	83
4.10	Kesimpulan	88
BAB 5: KESIMPULAN DAN CADANGAN		
5.1	Pengenalan	89
5.2	Rumusan Bab	89
5.3	Dapatan Kajian	91
5.4	Cadangan	92
	5.4.1 Peranan Pihak Berkepentingan	92
	5.4.2 Kajian Mendalam	93
	5.4.3 Pendokumentasi dan Pewarisan Budaya	93
RUJUKAN		94

SENARAI RAJAH

	HALAMAN
Rajah 1.1 Lokasi Nilai, Negeri Sembilan	9
Rajah 1.2 Kawasan Pekan Nilai	10
Rajah 3.1 Langkah Analisis Data	39
Rajah 3.4 Analisis deskriptif menggunakan Microsoft Excel	43
Rajah 4.1 Penglibatan Responden	51
Rajah 4.2 Persediaan Tempat Ibadah	71
Rajah 4.3 Persediaan Dulang	72
Rajah 4.4 Makanan tradisional sambutan Chithirai Puthandu	75
Rajah 4.5 Perhiasan Kolam Sambutan Chithirai Puthnadu	78

SENARAI JADUAL

	HALAMAN
Jadual 3.1 Informan Temu Bual	38
Jadual 3.2 Analisis Tematik	40
Jadual 3.3 Susunan Kod dan Tema	41
Jadual 3.4 Cronbach's Alpha	44
Jadual 4.1 Jantina Responden	46
Jadual 4.2 Umur Responden	47
Jadual 4.3 Pekerjaan Responden	48
Jadual 4.4 Tahap Pendidikan Responden	50
Jadual 4.5 Kefahaman Konsep, Tarikh Sambutan dan Asas Astronomi Chithirai Puthandu	52
Jadual 4.6 Ritual Yang Diamalkan Dalam Sambutan Chithirai Puthandu	56
Jadual 4.7 Amalan Keagamaan Dalam Sambutan Chithirai Puthandu	61
Jadual 4.8 Amalan Budaya Dalam Sambutan Chithirai Puthandu	65
Jadual 4.9 Pemuliharaan dan Pengekalan Warisan Chithirai Puthandu	67

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Warisan adalah peninggalan yang diwarisi dari generasi ke generasi dalam mengekalkan warisan budaya. Warisan budaya perlu dikekalkan agar tidak ditelan zaman terutamanya dalam era modenisasi dan globalisasi. Menurut United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization atau UNESCO melalui konvensyen Warisan Dunia 1972, warisan budaya didefinisikan sebagai legasi daripada generasi terdahulu yang dihargai serta dihayati pada masa kini dan diwariskan kepada generasi akan datang. Warisan budaya merangkumi monumen, artifak, bangunan yang mempunyai nilai simbolik, sejarah, estetika dan juga kepentingan saintifik dan sosial (UNESCO, 2009). Terdapat dua jenis warisan budaya iaitu warisan budaya ketara dan warisan budaya tidak ketara. Warisan budaya ketara merujuk kepada perkara yang boleh dilihat atau disentuh secara fizikal seperti monumen, bangunan, karya lukisan dan sebagainya, manakala warisan budaya tidak ketara adalah warisan yang tidak boleh disentuh. Contohnya, amalan, ekspresi, pengetahuan dan kemahiran yang dipunyai oleh masyarakat, kumpulan dan individu. Mereka seterusnya mengiktiraf warisan tersebut sebagai sebahagian daripada warisan budaya mereka. Warisan budaya tidak ketara mempunyai lima domain utama iaitu: tradisi lisan dan ekspresi lisan; seni persembahan; amalan sosial, ritual dan upacara perayaan; pengetahuan dan amalan mengenai alam dan alam semesta; serta ketukangan tradisional (UNESCO, 2003). Kedua-dua jenis warisan ini memainkan peranan penting dalam usaha melestarikan budaya dan identiti sebuah masyarakat. Kajian ini lebih memfokuskan kepada warisan budaya tidak ketara.

Malaysia adalah sebuah negara yang unik berbanding dengan negara-negara lain. Hal ini kerana Malaysia mempunyai, berbilang kaum seperti Melayu, Cina, India serta bumiputera Sabah dan Sarawak yang mempunyai tradisi dan warisan budaya masing-masing. Menurut Bernama (2020), Malaysia adalah sebuah negara yang unik kerana keindahan dan kekayaan sumber alam semula jadi serta kepelbagaian keturunan, agama, kepercayaan, budaya, makanan, bahasa dan sebagainya. Kaum Melayu adalah komuniti yang paling ramai dan utama di Malaysia dengan populasi sebanyak 58.1 peratus (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2025) dan juga beragama Islam. Bahasa yang digunakan adalah Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi bagi Malaysia. Budaya Melayu sangat terkenal dengan kekayaan seni seperti pakaian tradisional, makanan, muzik, seni ukiran dan juga tarian. Ia dibuktikan dengan Mak Yong iaitu seni persembahan tradisional masyarakat Melayu di negeri Kelantan yang bersifat unik dan halus. Mak Yong juga yang telah diiktiraf sebagai Warisan Dunia di bawah kategori warisan tidak ketara oleh UNESCO pada tahun 2005. Selain itu seni silat turut diiktiraf pada tahun 2019, manakala pakaian tradisional iaitu baju kebaya diiktiraf pada tahun 2024. Seterusnya, kaum kedua terbesar di Malaysia adalah kaum Cina iaitu sebanyak 22.6 peratus penduduk (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2025) dan bahasa yang digunakan adalah Kantonis, Hokkien, Foochow, Teochew dan Hakka. Masyarakat Cina juga mempunyai warisan budaya yang popular seperti tarian Singa, pakaian Cheongsam, makanan seperti kuih bulan dan sebagainya yang seringkali diamalkan oleh masyarakat Cina Malaysia sehingga kini terutamanya pada musim perayaan. Selain itu, upacara wangkang juga diamalkan secara turun temurun oleh masyarakat Cina di negeri Melaka di mana mereka mempercayai terdapat dewa yang melindungi manusia dan tanah daripada bencana. Upacara ini bermula di Minnan, China dan kini disambut juga oleh masyarakat Cina di Malaysia. Upacara ini telah diiktiraf oleh UNESCO di bawah Warisan Budaya Tidak Ketara Kemanusiaan pada tahun 2020

(UNESCO, 2025). Setiap kaum yang terdapat di Malaysia mempunyai perayaan masing-masing mengikut kepercayaan dan budaya. Contohnya, masyarakat Islam menyambut Hari Raya Puasa dan Hari Raya Haji. Hari Raya Puasa diraikan setelah berakhirnya bulan Ramadhan di mana semua umat Islam berpuasa selama sebulan (Jabatan Penerangan Malaysia 2017). Manakala, masyarakat Cina pula menyambut perayaan keagamaan termasuk Hari Wesak yang menghormati tiga peristiwa: hari kelahiran, hari mencapai kestabilan dan hari kematian serta Tahun Baru Cina dan Chap Goh Meh. Terdapat juga perayaan kuih bulan, bulan hantu dan sebagainya yang disambut oleh masyarakat Cina di Malaysia (Jabatan Penerangan Malaysia 2017).

Seterusnya seramai 6.6 peratus adalah penduduk masyarakat India yang beragama Hindu. Menurut kajian Kim (1971), masyarakat India telah bermigrasi secara besar-besaran khususnya dari India Selatan semasa zaman penjajahan British ke Tanah Melayu, didorong oleh ekonomi perladangan dan keperluan buruh. Masyarakat India di Malaysia dipecahkan kepada tiga 3 suku kaum yang berbeza iaitu Telugu, Malayali dan Punjabi. Mereka mempunyai bahasa tersendiri iaitu bahasa Telugu dan bahasa Malayalam yang digunakan sebagai bahasa komunikasi seharian (Sankar, 2023). Walaubagaimanapun, bahasa ibunda seperti Bahasa Tamil masih kekal digunakan oleh masyarakat India. Terdapat tradisi, budaya, kepercayaan yang masih diamalkan oleh masyarakat India secara turun temurun. Contohnya, mereka menyambut Deepavali iaitu perayaan cahaya yang penuh dengan warna-warni dan melambangkan kemenangan cahaya atas kegelapan. Mereka juga mengamalkan agama Hindu dan menyambut Hari Thaipusam sebagai tanda penghormatan kepada Dewa Murugan dan penganut Hindu akan menunaikan nazar (Jabatan Penerangan Malaysia 2017). Thaipusam juga salah satu perayaan keagamaan yang paling popular dalam kalangan masyarakat India di beberapa negeri di Malaysia. Salah satu negeri yang paling ramai penganut agama Hindu akan menyambut Thaipusam

di negeri Selangor, Batu Caves. Hal ini terbukti dengan pada tahun 2025, seramai dua juta pengunjung telah memeriahkan perayaan ini di Batu Caves, Selangor (Razali, 2025).

Deepavali dan Thaipusam adalah perayaan yang dikenali orang ramai dan disambut secara meluas. Namun, terdapat juga perayaan Tahun Baru Tamil yang dikenali sebagai (Chithirai Puthandu) di Malaysia yang disambut oleh masyarakat India ((Uthaya Sankar, 2023). Perayaan-perayaan yang terdapat dalam masyarakat India disambut mengikut kalendar Hindu. Petrocchi (2017), menyatakan bahawa kalendar Hindu berkembang sejak zaman purba yang berasaskan sistem astronomi India. Sistem ini dipengaruhi oleh teks-teks Sanskrit dan kitab astronomi seperti Surya Siddhanta. Surya Siddhanta merupakan kitab yang penting dalam sejarah astronomi Hindu kerana ia dianggap sebagai wahyu langsung daripada dewa Hindu surya iaitu dewa matahari. Teks Surya Siddhanta bukan sahaja terhasil daripada seorang individu sahaja tetapi merupakan sintesis daripada pelbagai semakan berkala. Teks ini dipercayai telah disusun atau disemak semula sekitar tahun 800 Masihi, berasaskan karya lebih awal dengan nama yang sama. Sarjana seperti Fitzedward Hall dan Ebenezer Burgess berperanan penting dalam mendokumentasi pengetahuan astronomi tradisional India, termasuk sistem kalendar lunisolar yang dikaitkan dengan ritual Hindu dengan menyunting dan menterjemahkan Surya Siddhanta. Petrocchi (2017) juga mengklasifikasikan jenis kalendar yang digunakan oleh masyarakat India seperti sistem kalendar suria (kalendar solar) yang berdasarkan pergerakan matahari, kalendar lunar yang menentukan tarikh agama dan perayaan seperti Deepavali, Thaipusam, Pongal dan tarikh perkahwinan serta majlis keagamaan. Mengikut sistem kalendar solar, Tahun Baru Tamil bermula pada bulan chithirai iaitu bulan April yang dikira berdasarkan pergerakan matahari yang memasuki zodiak Aries. Justeru, Chithirai Puthandu disambut pada bulan April (Petrocchi, 2017).

Menurut Hindu Council of Australia (2024), Chithirai Puthandu telah disambut sejak lebih 2,000 tahun yang lalu. Tahun baru ini berasal dari zaman Sangam, iaitu satu era penting dalam peradaban India. Pada masa itu, masyarakat India merupakan masyarakat agraria, dan Chithirai Puthandu dikaitkan dengan permulaan tahun pertanian yang, menandakan kitaran baharu dalam kehidupan pertanian mereka. Selain itu, perayaan ini juga dikaitkan dengan pelbagai mitos dan legenda dalam mitologi Tamil, termasuk kisah Dewa Brahma yang memulakan kalendar Tamil pada hari Puthandu serta kisah Maharishi Agastya, seorang pertapa agung yang dikatakan telah memulakan perayaan Puthandu. Seiring dengan peredaran zaman, Chithirai Puthandu telah berkembang dengan pelbagai unsur budaya dan keagamaan yang berbeza, namun tetap mengekalkan nilai asalnya sebagai hari pembaharuan dan permulaan baharu. Hari ini, Chithirai Puthandu terus diraikan dengan penuh semangat oleh masyarakat India di seluruh dunia dan seterusnya, menjadi satu platform untuk memperkukuh hubungan kekeluargaan, memperingati warisan budaya, serta meneruskan tradisi yang diwarisi sejak turun-temurun (Hindu Council of Australia, 2024).

1.2 Permasalahan Kajian

Dalam dunia yang semakin moden, banyak nilai amalan tradisional kurang diberi perhatian akibat pengaruh globalisasi. Contohnya, kebanyakan amalan tradisional dalam sambutan perayaan agama Hindu seperti Chithirai Puthandu di Malaysia kurang diamalkan oleh generasi masa kini khususnya dalam penyediaan makanan tradisional yang menjadi salah satu aspek penting dalam amalan ritual yang diamalkan (Kamarzaman & Abu Bakar, 2020). Keadaan ini menunjukkan perayaan Chithirai Puthandu berdepan

risiko kehilangan aspek ritual dan budaya akibat perubahan sosial serta gaya hidup moden.

Chithirai Puthandu bukan sahaja merupakan perayaan Tahun Baru bagi masyarakat India, tetapi juga mempunyai gabungan elemen keagamaan dan budaya yang unik. Walau bagaimanapun, kajian terdahulu menunjukkan bahawa masih wujud kekeliruan dalam mengkategorikan perayaan masyarakat India sama ada sebagai perayaan keagamaan, budaya, atau campuran kedua-duanya (Kamarzaman & Abu Bakar, 2020). Keadaan ini menyebabkan persepsi yang tidak tepat terhadap Chithirai Puthandu, terutamanya dalam kalangan generasi muda dan masyarakat luar. Kutty (2021) menyatakan bahawa terdapat pelbagai sambutan Tahun Baru dalam masyarakat India seperti Vaisakhi (Sikh), Ugadhi (Telugu), Tamil Puthandu (Tamil), dan Vishu (Malayalee). Namun, tidak ramai yang mengetahui sambutan perayaan tersebut terutamanya di kalangan kaum Melayu dan Cina. Hal ini kerana perayaan yang disambut oleh kaum lain kurang didedahkan. Kekurangan pengetahuan ini menunjukkan bahawa sistem pendidikan dan media arus perdana gagal memberi pendedahan secukupnya mengenai kepelbagaian budaya di Malaysia. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk memahami mengenai kepentingan Chithirai Puthandu yang disambut oleh masyarakat India di Negeri Sembilan dan pengekalannya warisan tersebut.

1.3 Persoalan kajian

Terdapat tiga persoalan kajian ini iaitu:

- a) Apakah amalan dalam Chithirai Puthandu yang diamalkan oleh masyarakat India di Nilai, Negeri Sembilan?
- b) Bagaimanakah persepsi generasi muda masyarakat India di Nilai terhadap Chithirai Puthandu?
- c) Apakah langkah-langkah yang relevan dalam melestarikan Chithirai Puthandu dalam kalangan masyarakat India di Nilai, Negeri Sembilan?

1.4 Objektif kajian


Melalui kajian ritual dan tradisi Chithirai puthandu dalam masyarakat India akan membawa tiga objektif yang utama iaitu:

- a) Mengenal pasti amalan dalam Chithirai Puthandu yang diamalkan oleh masyarakat India di Nilai, Negeri Sembilan
- b) Mengkaji persepsi dalam kalangan generasi muda masyarakat India di Nilai terhadap Chithirai Puthandu
- c) Menganalisis langkah-langkah yang relevan dalam melestarikan Chithirai Puthandu dalam kalangan masyarakat India di Nilai, Negeri Sembilan.

1.5 Skop kajian

Kajian mengenai tradisi dan ritual “Chithirai Puthandu” iaitu tahun baru yang disambut oleh masyarakat India. Kajian ini bertujuan untuk memahami dengan lebih mendalam mengenai kepentingan Chithirai Puthandu yang disambut oleh masyarakat India di Negeri Sembilan dan pengekalannya warisan tersebut. Tiga objektif utama kajian ini adalah: mengenal pasti amalan dalam Chithirai Puthandu, mengkaji persepsi dalam kalangan generasi muda masyarakat India terhadap Chithirai Puthandu dan menganalisis langkah-langkah yang relevan dalam melestarikan Chithirai Puthandu dalam kalangan masyarakat India di Nilai, Negeri Sembilan. Kajian ini menggunakan pendekatan campuran iaitu kaedah kualitatif dan kuantitatif. Reka bentuk kajian ini adalah etnografi dan survei bagi memahami makna dan simbolik sambutan Chithirai Puthandu dalam kalangan masyarakat India di Nilai, Negeri Sembilan serta persepsi mereka terhadap Chithirai Puthandu. Kaedah kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah temu bual, pemerhatian dan survei melalui borang soal selidik yang diedarkan. Teknik pensampelan bebola salji dan pensampelan rawak digunakan bagi mendapatkan informan dan responden kajian. Seterusnya, data kualitatif dan kuantitatif dianalisis dengan menggunakan analisis tematik dan juga analisis deskriptif.

Rajah 1.1 menunjukkan lokasi Nilai, Negeri Sembilan yang terletak dalam daerah Seremban. Kawasan ini dipilih sebagai lokasi kajian disebabkan mempunyai populasi penduduk masyarakat India yang aktif dalam mengekalkan tradisi budaya termasuk sambutan perayaan Tamil Puthandu. Kajian ini lebih memfokuskan kepada masyarakat India yang menetap kawasan perumahan utama Nilai seperti Pekan Nilai, Taman Nilai, Taman Nilai Perdana dan Taman Desa Mayang Sari.



Rajah 1.2 : Kawasan Pekan Nilai

(Sumber: Google Map)

Rajah 1.2 menunjukan Pekan Nilai yang dipilih kerana di sini terdapat tempat ibadah utama iaitu Kuil agama Hindu dan juga yang berdekatan bagi penduduk-penduduk sekitarnya seperti penduduk di Taman Nilai, Taman Perdana, Taman Desa Mayang Sari dan sebagainya.

1.7 Kepentingan Kajian

a. Individu

Kajian ini memberikan pemahaman mendalam tentang adat dan tradisi Chithirai Puthandu terutamanya kepada individu. Seterusnya, menjadi panduan untuk memahami kepentingan budaya unik perayaan ini dan membuka peluang untuk memelihara dan memperkembangkan nilai tradisional secara efektif dan bermakna dimana generasi kini yang lebih berkembang dan diikuti dengan perubahan zaman teknologi yang bergaya dan menarik. Selain itu, kajian ini juga membantu individu yang beragama lain sebagai sumber rujukan bagi yang ingin mengetahui lebih lanjut tentang sambutan Chithirai Puthandu.

b. Masyarakat

Penyelidikan ini memberi kepentingan kepada masyarakat dengan mengukuhkan ikatan sosial. Sambutan Chithirai Puthandu ini menyatukan ahli keluarga dan masyarakat melalui aktiviti persiapan di rumah serta perhimpunan di kuil untuk sambut bersama. Dalam konteks Malaysia berbilang kaum, kajian ini dapat membantu masyarakat memahami dan menghargai sambutan Chithirai Puthandu dan dapat mewujudkan toleransi dan harmoni antara masyarakat di Malaysia.

c. Budaya

Selain itu, kajian ini juga membantu dalam memahami bagaimana masyarakat india di Malaysia khususnya di Nilai, Negeri Sembilan mengekalkan dan menyelaraskan dalam era pemodenan kini. Kajian ini membantu dengan dokumentasi bagi budaya tradisi ini diteruskan kepada generasi akan datang dengan pemahaman yang lebih mendalam tentang asal-usul dan kepentingannya.

1.8 Struktur Penyelidikan

Kajian ini mempunyai lima bab utama. Bab pertama membincangkan pengenalan kajian, yang merangkumi latar belakang, masalah, tujuan, persoalan kajian, skop, lokasi dan kepentingan kajian. Warisan budaya tidak ketara, perayaan dan perayaan di Malaysia, perayaan Chithirai Puthandu, amalan Chithirai Puthandu, pemeliharaan warisan budaya tidak ketara dan aplikasi Teori Identiti Budaya Stuart Hall untuk mengukuhkan kerangka konseptual kajian diketengahkan dalam kajian literatur bab kedua.

Seterusnya, metodologi kajian yang terdiri daripada kaedah campuran penyelidikan, reka bentuk penyelidikan, kaedah pengumpulan data primer dan sekunder, kaedah persampelan dan metodologi analisis data diterangkan dalam Bab 3. Bab 4 pula menerangkan hasil dapatan yang diperoleh melalui data kualitatif dan kuantitatif seperti kefahaman konsep, tarikh sambutan serta asas astronomi, menilai amalan keagamaan dan budaya, pemeliharaan dan pengekalan warisan, amalan persediaan, kepentingan, cabaran sambutan Chithirai puthandu. Bab Lima diakhiri dengan meringkaskan penemuan penyelidikan keseluruhan dan menawarkan cadangan yang berkaitan untuk kelestarian dan pemeliharaan warisan Chithirai Puthandu serta cadangan kajian lanjutan pada masa hadapan.

BAB 2

KAJIAN LITERATUR

2.1 Pengenalan

Bab dua membincangkan konsep warisan budaya tidak ketara serta peranan penting perayaan dalam mengekalkan identiti dan tradisi sesebuah komuniti. Fokus utama diberikan kepada pemahaman tentang definisi, bentuk dan kepentingan warisan tidak ketara menurut UNESCO dan Akta Warisan Kebangsaan. Seterusnya, bab ini menerangkan kepelbagaian perayaan dalam kalangan masyarakat majmuk di Malaysia seperti Hari Raya, Tahun Baru Cina, Deepavali, Kaamatan dan Gawai. Selain itu, bab ini turut meneliti secara khusus perayaan Chithirai Puthandu sebagai salah satu bentuk warisan budaya tidak ketara masyarakat India serta menerangkan bentuk pemeliharaan yang boleh dilaksanakan berpandukan prinsip dan perjanjian rasmi dalam UNESCO 2003. Akhir sekali, Teori Identiti Budaya oleh Hall digunakan dalam kajian ini untuk memahami bagaimana sambutan Chithirai Puthandu membentuk dan mengekalkan identiti masyarakat India melalui pengalaman budaya yang dikongsi dan diwarisi dalam komuniti.

2.2 Warisan Tidak Ketara

Warisan budaya dibahagikan kepada dua kategori utama: ketara dan tidak ketara. Warisan budaya ketara ialah monumen, artifak dan struktur yang boleh disentuh atau yang boleh dilihat dengan mudah. Tradisi, ritual, upacara dan pengetahuan tradisional yang diperoleh secara lisan dan amalan adalah bentuk warisan tidak ketara. Menurut Convention for the Safeguarding of the Intangible Cultural Heritage, UNESCO (2003)

warisan budaya tidak ketara merujuk kepada adat, pengetahuan, kebolehan dan kepercayaan yang menjadi asas kepada masyarakat. Hal ini kerana ia merangkumi perkara yang diturunkan dari satu generasi ke generasi seterusnya. Contohnya, ritual, persembahan seni, bahasa, adat resam dan kemahiran tradisional. UNESCO (2003) menyatakan bahawa warisan kebudayaan tidak ketara perlu,

...transmitted from generation to generation, is constantly recreated by communities and groups in response to their environment, their interaction with nature and their history, and provides them with a sense of identity and continuity, thus promoting respect for cultural diversity and human creativity (UNESCO, 2003)

Kenyataan ini menunjukkan bahawa warisan budaya tidak ketara ialah amalan atau tradisi yang dipindahkan dari generasi ke generasi. Ia sentiasa disesuaikan semula oleh masyarakat mengikut persekitaran, alam semula jadi dan sejarah kehidupan tertentu. Warisan ini membawa kepada masyarakat perasaan identiti dan warisan. Ia juga merupakan satu cara untuk mendidik orang ramai tentang cara menghormati budaya lain dan menghargai kreativiti manusia.

Menurut UNESCO (2003), terdapat juga lima domain utama warisan budaya tidak ketara ini: tradisi lisan, seni persembahan, amalan sosial, ritual dan acara perayaan, pengetahuan dan amalan yang berkaitan dengan persekitaran semula jadi, pengetahuan dan kemahiran untuk menghasilkan kraf tradisional. Tradisi ini boleh diteruskan dengan cara yang sesuai dalam dunia moden. Setiap individu perlu menghormati warisan ini dan juga tidak melanggar hak asasi manusia.

Di samping itu, bahasa linguistik, muzik, nyanyian, tarian, puisi, persembahan pentas dan seni mempertahankan diri termasuk dalam kategori warisan budaya tidak

ketara yang diiktiraf oleh Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645). Warisan tidak ketara ini merupakan ekspresi identiti sesebuah masyarakat daripada ia mempunyai kaitan istimewa dengan sejarah, kepercayaan dan cara hidup mereka (Yuszaidy et al., 2011). Oleh itu, pentingnya untuk melindungi dan memulihara warisan budaya tidak ketara agar tidak ditelani zaman.

Sebagai sebuah negara yang istimewa, Malaysia mempunyai beberapa elemen warisan budaya tidak ketara yang diiktiraf oleh UNESCO. Warisan tidak ketara pertama yang diiktiraf oleh UNESCO dari Malaysia ialah Mak Yong pada tahun 2005, satu bentuk teater tradisional dari negeri Kelantan yang diamalkan oleh masyarakat Melayu tempatan. Tanda dan simbol persembahan Mak Yong adalah daripada pelbagai elemen dan diwakili pada perhiasan peribadi pelakon, latar reka bentuk pentas, pergerakan badan, teknik tarian dan pertuturan. Tujuan utama Mak Yong dipersembahkan adalah sebagai hiburan. Tambahan pula, makyong juga merupakan ritual yang dikaitkan dengan penyembuhan (UNESCO, 2005). Ia kemudian diikuti dengan dondang sayang pada 2018, silat pada 2019, pantun pada 2020, Wangkang untuk masyarakat Cina pada 2020 dan kebaya pada 2024. Malaysia juga telah berjaya mendapatkan budaya sarapan pagi iaitu nasi lemak, roti canai dan budaya minuman teh tarik yang diiktiraf oleh UNESCO pada 2024. Hal ini membuktikan bahawa pemeliharaan dan pemuliharaan warisan tidak ketara adalah penting bagi menjaga identiti sesebuah masyarakat.

2.3 Perayaan

Perayaan ialah satu aktiviti yang dilakukan oleh sesuatu kumpulan masyarakat. Falassi (1987) menyatakan bahawa perayaan adalah sejenis acara sosial tertentu yang melibatkan individu kepada beberapa aktiviti yang telah dirancang dan berlaku berulang. Beliau juga menambah bahawa perayaan mencerminkan budaya masyarakat dan ia

mampu membawa masyarakat bersama-sama melalui sejarah yang dikongsi, perspektif agama atau identiti. Perayaan biasanya membawa satu lagi bentuk suasana kerana ia biasanya dikaitkan dengan cuti atau masa berehat. Falassi (1987) menjelaskan bahawa perkataan "perayaan" berasal daripada bahasa Latin iaitu "festum" dan "feria". Walaupun zaman telah berubah, perayaan tetap mengekalkan makna asalnya sebagai satu bentuk sambutan yang bermakna dalam masyarakat. Cudny (2014) menjelaskan bahawa perayaan kini telah berubah daripada bentuk tradisional kepada bentuk yang lebih moden dan mempunyai banyak fungsi. Sekarang, perayaan bukan lagi hanya berkaitan dengan agama atau musim. Ia berkembang melibatkan perkara lain seperti pendidikan, sains, hiburan, pelancongan dan seni. Contohnya, karnival pelancongan, pesta buku dan festival kebudayaan yang bukan sahaja memberi manfaat kepada budaya, tetapi kepada masyarakat dari segi sosial dan ekonomi. Beliau juga menyatakan bahawa dalam masyarakat moden yang makin mementingkan diri sendiri, perayaan boleh menjadi cara untuk mengeratkan hubungan antara orang ramai. Tambahan pula, perayaan memberi peluang kepada semua lapisan masyarakat untuk berkumpul dan meraikan budaya mereka bersama.

Perayaan boleh dibahagikan kepada beberapa jenis bergantung pada tujuan seperti cara ia dijalankan, masa, dan tempat penganjurannya (UNESCO, 2015). Dari segi fungsi, ada perayaan yang berkaitan dengan agama, budaya dan pelancongan. Dari cara pelaksanaan pula, ada yang buat secara langsung, ada juga secara maya. Ciri-ciri perayaan boleh jadi alternatif, berbilang budaya atau gabungan dua-dua (hibrid). Penerangan ini berguna untuk memahami bagaimana perayaan berjalan oleh masyarakat moden kini. Selain itu, masa perayaan juga penting seperti musim atau cuti rasmi sebab boleh menarik lebih ramai orang. Contohnya, perayaan yang dilakukan pada musim cuti sekolah dapat menarik lebih banyak pengunjung. Selain itu, aspek penting ialah lokasi, sama ada

perayaan diadakan di bandar, kampung atau tapak khas (UNESCO, 2015). Beberapa tempat mungkin memberikan pengaruh pada siapa yang boleh hadir, mempromosikan pelancongan dan melibatkan diri dengan masyarakat setempat. Hal ini menunjukkan dimana lokasi juga boleh menjadi identiti kepada sesebuah perayaan.

2.4 Perayaan Di Malaysia

Sebagai negara yang unik, Malaysia terkenal dengan kepelbagaian perayaan yang mencerminkan identiti negara dan masyarakat harmoninya. Komposisi Malaysia yang majoriti terdiri dari kaum Melayu, Cina, India dan juga terdapat masyarakat pribumi di Sabah dan Sarawak. Kebanyakan perayaan di Malaysia diraikan oleh setiap kumpulan berdasarkan kepercayaan, budaya dan agama yang masing-masing. Kumpulan kaum yang terbesar di Malaysia adalah kaum Melayu yang beragama Islam. MyGovernment (2025) telah menyenaraikan perayaan-perayaan utama yang disambut oleh kaum Melayu adalah seperti Hari Raya Puasa (Aidilfitri) dan Hari Raya Haji. Perayaan ini disambut melalui satu proses penetapan rasmi yang sistematik dan berdasarkan ilmu falak serta prinsip syarak (MyGovernment, 2025).

Kaamin (2015) menerangkan bahawa penentuan tarikh Hari Raya ikut beberapa kriteria seperti umur anak bulan, ketinggian dan jarak anak bulan dari matahari. Penerangan ini menunjukkan bahawa perayaan dalam masyarakat Melayu bukan sekadar tradisi turun temurun tetapi mereka juga mengikut sistem agama yang tersusun. Oleh itu, sambutan Hari Raya mencerminkan bagaimana agama, ilmu, dan budaya saling berkait membentuk jati diri masyarakat Melayu Islam keseluruhannya.

Seterusnya, dalam masyarakat Cina di Malaysia, perayaan utama termasuk Tahun Baru Cina, Chap Goh Meh, Hari Wesak, Qing Ming, Pesta Kuih Bulan atau Tanglung, dan Bulan Hantu. Menurut MyGovernment (2025), hari pertama kalendar lunar iaitu pada

bulan Januari atau Februari adalah perayaan Tahun Baru dan berlangsung sehingga malam 15hb, dipanggil Chap Goh Meh. Keluarga masyarakat Cina meraikan dengan makan malam, pemberian angpow, dan pelbagai acara kebudayaan. Menurut Matondang (2016), perayaan masyarakat Cina bukan sekadar acara tahunan. Ia juga jadi cara untuk mereka hidupan semula budaya sendiri atau disebut sebagai “revival of Chineseness”. Kajian etnografi Matondang (2016) mendapati bahawa sambutan Tahun Baru Cina di lokasi seperti Georgetown melibatkan pelbagai aktiviti kebudayaan. Contohnya, persembahan tarian singa dan naga, drama liturgi. Perayaan ini melambangkan gabungan harmoni ciri tradisional dan moden dalam kalangan masyarakat Cina Malaysia. Selain itu, unsur keagamaan dan tradisi keluarga Cina tercermin dalam perayaan seperti Qing Ming dan Hari Wesak apabila sembahyang nenek moyang dan upacara keagamaan dijalankan. Oleh itu, perayaan Cina bukan sahaja mencerminkan tradisi tetapi ia juga penting untuk terus berhubung dengan identiti mereka dalam masyarakat berbilang kaum di Malaysia (Matondang, 2016).

Terdapat perayaan kaum India seperti Thaipusam, Ponggal, Tahun Baru India serta Deepavali. Deepavali atau Perayaan Cahaya disambut pada bulan Oktober atau November dalam kalendar Hindu. Perayaan mula dengan sembahyang dan diikuti kunjungan oleh saudara-mara serta menyalakan pelita di rumah (Jabatan Penerangan Malaysia, 2017). Thaipusam pula disambut sebagai penghormatan kepada Dewa Muruga. Batu Caves menjadi lokasi utama perayaan ini dengan adanya ritual membawa kavadi. Kajian Kamarzaman dan Bakar (2020) menjelaskan iaitu perayaan seperti Deepavali dan Thaipusam mengandungi budaya, khususnya berkaitan makanan. Semasa Deepavali hidangan tradisional termasuk nasi briyani, muruku, thosei dan manisan disediakan. Namun, sepinggan nasi manis dihidangkan semasa Ponggal yang merupakan tanda terima

kasih kepada Dewa Matahari. Adalah jelas bahawa perayaan itu berfungsi sebagai cara mengekalkan warisan budaya India serta upacara keagamaan.

Di Sabah, masyarakat Kadazan menyambut Pesta Menuai (Kaamatan atau Tadau Kaamatan) yang mempunyai kepentingan bagi penduduk Kadazan. Perayaan ini secara tradisinya dijalankan pada bulan Mei setiap tahun dan ia berasaskan pertanian. Ia dianggap sebagai tanda menikmati hasil tuaian. Menurut Jabatan Penerangan Malaysia (2017), tamu besar atau pasar tahunan merupakan satu lagi sambutan penting. Ia melibatkan permainan tradisional dan penjualan makanan tempatan. Bagaimanapun, masyarakat Kadazan menghadapi cabaran dengan sambutan perayaan semasa pandemik COVID-19. Kajian Francis (2023) menyatakan bahawa masyarakat di Sabah meraikan Kaamatan melalui media sosial seperti Facebook dan WhatsApp. Masyarakat Sabah juga mengadakan pertandingan dalam talian untuk Sugandoi dan Unduk Ngadau untuk semua masyarakat mengambil bahagian bagi mengekalkan tradisi. Ini membuktikan walaupun ada cabaran, rakyat Sabah mampu menyesuaikan diri dan mengekalkan budaya mereka.

Di samping itu, masyarakat Sarawak seperti Iban, Bidayuh dan Orang Ulu menyambut Hari Gawai setiap tahun pada 1 Jun. Menurut Jabatan Penerangan Malaysia (2017), sambutan ini bertujuan untuk bersyukur kepada Tuhan yang juga dikenali sebagai Jubata atas hasil tanaman yang dituai. Hari Gawai bukan sekadar perayaan yang biasa (Elyta 2020). Upacara ini memperkukuh identiti masyarakat Dayak melalui adat resam, muzik, tarian, dan pakaian tradisional. Sambutan ini turut dijalankan dengan aktiviti gotong-royong yang melibatkan semua peringkat umur. Ini menunjukkan keunikan perayaan ini menarik ramai pelancong domestik dan asing (Elyta 2020). Selain itu, ia meningkatkan ekonomi tempatan melalui mempromosikan lagi cara hidup tempatan. Oleh itu, Hari Gawai berfungsi sebagai perayaan budaya yang memupuk hubungan lebih erat dalam masyarakat dan juga merupakan cara untuk mengekalkan sejarah budayanya.

Selain perayaan keagamaan dan kebudayaan, Malaysia juga mempunyai cuti kebangsaan. Contohnya, Hari Malaysia dan Hari Kebangsaan. Rakyat di Malaysia menandakan Hari Kebangsaan mereka pada 31 Ogos dan Hari Malaysia pada 16 September kerana mereka meraikan sumbangan Sabah dan juga Sarawak untuk penubuhan negara. Perayaan ini bermakna kerana keupayaan mereka untuk menyatukan rakyat Malaysia tanpa mengira agama dan kaum. Kira-kira 100,000 orang berkumpul di Putrajaya pada Hari Kebangsaan ke-67 (Bernama, 2023). Mentari Digital (2023) mengatakan tahap penglibatan yang tinggi menunjukkan kebersamaan dalam diri manusia. Peristiwa ini menentukan keamanan dan kestabilan negara menurut Menteri Kesihatan (2023). Oleh itu, sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia bukan sekadar cuti umum tetapi melambangkan perpaduan rakyat dan semangat kenegaraan di Malaysia.

2.5 Chithirai Puthandu

Tahun Baru tidak disambut dengan cara yang sama oleh semua masyarakat. Terdapat perbezaan antara budaya dan masing-masing mempunyai kalendar dan adat sendiri. Dalam kajian Khan (2021) menjelaskan, pada 1 Januari tidak semua masyarakat menyambut Tahun Baru. Majoriti masyarakat dunia masih menggunakan kalendar tradisional. Sebagai contoh, Khan memberikan beberapa sambutan Tahun Baru daripada pelbagai komuniti budaya seperti Nowruz (Iran), Rosh Hashanah (Yahudi), Ugaadhi (Telegu dan Kannada), Hijrah (Islam) dan Puthandu (Tahun Baru Tamil) yang disambut pada 14 April mengikut kalendar matahari. Selain itu, Khan (2021) menentang sambutan besar pada malam 1 Januari. Ini kerana, Khan melihat sambutan itu sebagai pesta yang penuh hiburan tanpa sebarang makna sebenar. Peristiwa moden sebegini mengetepikan budaya asli. Oleh itu, Khan (2021) menyatakan bahawa perayaan seperti Puthandu penting untuk masyarakat mengekalkan budaya sendiri dan tidak mudah mengikuti budaya arus moden.

Seterusnya, kajian Fibiger (2017) mengkaji perjalanan masyarakat Hindu Sri Lanka yang tinggal di Denmark mengekalkan amalan dan tradisi keagamaan mereka terutamanya dalam kalangan generasi kedua. Puthandu atau Tahun Baru Tamil disebut sebagai sambutan paling penting yang disambut setiap tahun oleh masyarakat tersebut. Ini menjelaskan bahawa walaupun mereka menetap di negara Barat dan telah terdedah kepada budaya Barat, kaum muda India masih meraikan Puthandu. Hal ini kerana, ia mengingatkan mereka kepada budaya dan asal-usul mereka. Menurut Fibiger (2017), sambutan tahun baru seperti Puthandu bukan sahaja dari segi tradisi atau agama tetapi ia juga memberi peluang untuk pertemuan dengan penduduk tempatan, memakai pakaian tradisional, berkongsi makanan, dan menikmati suasana perayaan. Fibiger juga menggunakan teori Roy A. Rappaport untuk menjelaskan bahawa ritual seperti ini mempunyai banyak makna di mana ia boleh menjadi cara untuk mengingatkan diri kita tentang siapa diri kita (Auto-communication), berhubung dengan ahli masyarakat yang lain (Allo-communication), menunjukkan identiti kita kepada masyarakat luar (Outer-communication) dan juga menyampaikan doa atau harapan kepada Tuhan (Transcendental communication). Kajian ini menunjukkan bahawa walaupun cara hidup mereka berubah mengikut lokasi, perayaan seperti Puthandu kekal penting dalam membantu masyarakat India mengekalkan identiti dan warisan budaya mereka di luar negara.

Selain itu, kajian oleh Lakmali (2025) membandingkan dua perayaan kebudayaan iaitu Tahun Baru Cina dan juga Tahun Baru Sinhala dan Tamil di Sri Lanka. Kajian ini mengenal pasti Puthandu sebagai salah satu perayaan utama yang disambut oleh masyarakat India di Sri Lanka. Kajian ini juga menjelaskan bahawa perayaan seperti Puthandu mempunyai nilai budaya yang sangat kuat kerana ia menyatukan keluarga, adat resam dan identiti masyarakat. Walaupun terdapat perubahan dalam cara sambutan dari

segi faktor teknologi seperti media sosial, festival ini masih kekal sebagai simbol budaya masyarakat India. Kajian Lakmali (2025) juga menunjukkan bahawa perayaan seperti Puthandu boleh digunakan sebagai bahan pembelajaran budaya dalam kelas terutamanya apabila pelajar dari latar belakang yang berbeza mempelajari budaya masing-masing. Kesimpulannya, kajian ini berpendapat bahawa Puthandu mempunyai peranan yang besar dalam memelihara budaya agama Hindu khususnya dalam kalangan anak muda di Sri Lanka.

Gartenstein-Ross dan Frum (2012) menyatakan bahawa masyarakat India di Kanada juga merupakan golongan yang mempunyai tradisi menyambut Tahun Baru Tamil. Perayaan ini dianggap sebagai sambutan terbesar seumpamanya yang diadakan oleh masyarakat India di Kanada. Bagi masyarakat India di Kanada, perayaan Puthandu bukan sahaja budaya tetapi ia juga bersifat politik. Contohnya, pada tahun 2000 sambutan Tahun Baru Tamil di Toronto telah dianjurkan oleh Federation of Associations of Canadian Tamils (FACT) iaitu sebuah organisasi yang mempunyai kaitan dengan kumpulan (Liberation Tigers of Tamil Eelam) LTTE. Selain itu, sambutan Tahun Baharu Tamil sememangnya memberi manfaat dan menarik kehadiran ramai ahli politik Kanada termasuk mereka di peringkat tertinggi seperti perdana menteri dan dua menteri kabinet Paul Martin dan Maria Minna. Oleh itu, Gartenstein-Ross dan Frum (2012) mengkritik Tahun Baru Tamil sebagai perayaan untuk ahli politik, bersosial, dan mencari pengaruh politik organisasi diaspora. Oleh itu, kajian ini menunjukkan bahawa sambutan Tahun Baru Tamil dalam konteks diaspora bukan hanya berfungsi sebagai perayaan budaya, tetapi turut digunakan sebagai medium untuk membina pengaruh dan sokongan politik dalam kalangan masyarakat India di luar negara.

2.6 Amalan Chithirai Puthandu

Apabila kita menyebut tentang sesuatu perayaan, terdapat amalan tertentu yang biasa dilakukan oleh masyarakat yang menyambutnya. Kajian Chera (2020), menyatakan terdapat satu hidangan tradisional yang sering dikaitkan dengan perayaan Chithirai Puthandu iaitu “mangai pachadi”. Ini adalah hidangan menggunakan mangga muda yang membawa enam perisa berbeza. Buah mangga yang belum masak rasanya masam, gula melaka rasa manis, cili hijau rasa pedas, kunyit memberi rasa dan warna yang pahit, garam rasa masin, manakala bunga jintan dan neem rasa pahit. Enam rasa itu dikatakan sebagai kehidupan emosi yang berbeza seperti kebahagiaan, kesedihan, dan masalah. Ia sangat popular bahawa hidangan itu dibuat pada pertengahan April ketika masyarakat India meraikan Puthandu. Ini juga merupakan masa di mana musim mangga masih belum betul-betul masak. Selain daripada “mangai pachadi”, hidangan nasi istimewa yang dikenali sebagai pongal akan dimasak pada hari tersebut dan dipersembahkan kepada dewa-dewi. Amalan penyediaan makanan seperti ini menunjukkan bahawa makanan bukan sahaja sebagai keperluan fizikal tetapi juga membawa makna budaya dan simbolik yang penting dalam sesuatu perayaan (Das, 2025). Tambahan pula, dalam komuniti Chetti Melaka perayaan ini turut dimeriahkan dengan jamuan pelbagai hidangan tradisional lain. Antaranya adalah, “pongal (nasi manis)”, “payasam (puding manis)”, dan “vada” (Muniandy, 2024). Semua hidangan ini biasanya disediakan dalam suasana kekeluargaan dan dikongsi bersama sebagai simbol perpaduan, rasa syukur dan permulaan yang baharu.

Lakmali (2025) berpendapat bahawa perayaan Tahun Baru Tamil di Sri Lanka mempunyai hubungan yang kuat dengan budaya India hanya melalui pengekalan tradisi. Semasa perayaan Chithirai Puthandu mereka akan pergi ke kuil (kovil) pada waktu pagi untuk membuat persembahan kepada Tuhan seperti buah-buahan, susu dan bunga. Waktu yang dipilih untuk sembahyang di kuil adalah yang paling bertuah mengikut kalendar

astrologi. Tambahan pula, pemilihan pakaian dan warna juga mengikut warna bertuah yang diumumkan setiap tahun yang dipakai pada hari tersebut. Krishnan (2025) juga menyebut bahawa perayaan itu dipanggil Chithirai Puthandu atau Varusha Pirappu yang berlaku pada hari pertama bulan Chithirai dalam kalendar Tamil. Sebelum upacara itu, kaum India menghiasi pintu rumah mereka dengan daun mangga segar dan melukis kolam menggunakan serbuk beras sebagai simbol menjemput keberkatan. Dewa-dewa akan dipersembahkan dengan dulang buah-buahan, bunga-bunga dan gula-gula untuk sembahyang. Semua amalan ini mencerminkan suasana spiritual dan keagamaan dalam perayaan Chithirai Puthandu, yang memperkukuh hubungan masyarakat dengan tradisi dan kepercayaan Hindu.

2.7 Pemeliharaan Warisan Tidak Ketara

Pemeliharaan warisan tidak ketara penting bagi mengekalkan identiti budaya komuniti. Hal ini kerana, warisan tidak ketara merangkumi amalan sosial, adat, dan kemahiran yang diwarisi turun-temurun. Kajian Goussous (2022) menunjukkan, masyarakat Bedouin di Petra dan Wadi Rum menghadapi ancaman terhadap warisan mereka disebabkan pembangunan dan pelancongan. Oleh itu, Goussous menekankan pendekatan pemeliharaan perlu disesuaikan dengan keperluan tempatan dan juga mencadangkan penggunaan teknologi moden untuk mendigitalkan dan mendokumentasi warisan tidak ketara.

Seterusnya, perayaan budaya merupakan salah satu bentuk utama warisan budaya tidak ketara kerana ia melibatkan amalan seperti adat, upacara, dan gaya hidup yang diwarisi oleh masyarakat dari satu generasi ke generasi yang lain. Menurut Del Barrio et.al (2012), perayaan budaya bersifat sementara kerana ia hanya wujud sewaktu ia berlangsung. Hal ini kerana, ia menjadikannya sukar untuk dipelihara secara fizikal.

Namun, perayaan penting kerana ia membawa nilai simbolik dan sejarah yang tinggi kepada sesuatu komuniti. Jadi pemeliharaan perayaan bukan sahaja tetumpu kepada dokumentasi tetapi perlu memberi perhatian kepada bagaimana ia dapat diteruskan, disokong dan disesuaikan dengan perkembangan semasa. Del Barrio et.al (2012) menegaskan, perayaan memberi kesan ekonomi dan sosial yang penting kepada komuniti setempat. Justeru, bagi memastikan perayaan dapat dikekalkan, ia perlu dinilai dari segi nilai budayanya, kesan ekonomi serta keberkesanan pengurusan. Ini menunjukkan bahawa usaha memelihara perayaan bukan sahaja berkaitan dengan tradisi tetapi juga memerlukan perancangan dan pengurusan yang baik supaya ia kekal relevan dalam kehidupan masyarakat masa kini.

Selain itu, menurut Konvensyen 2003 UNESCO, warisan budaya tidak ketara seperti perayaan dan amalan tradisi perlu dipelihara oleh komuniti yang mengamalkannya. Ini bermaksud, hak dan tanggungjawab untuk mengekalkan sesuatu warisan tidak ketara terletak pada kumpulan sosial dan individu yang mewarisinya. Pemeliharaan tidak semestinya dalam bentuk fizikal, tetapi boleh berlaku melalui pemindahan ilmu, amalan berulang, dan penyertaan aktif generasi muda. Dalam konteks ini, sambutan Chithirai Puthandu iaitu Tahun Baru Tamil, boleh dilihat sebagai contoh warisan budaya tidak ketara yang masih dipelihara oleh komuniti India di pelbagai negara.

Kajian-kajian lepas menunjukkan bahawa pemeliharaan Chithirai Puthandu berlaku melalui amalan tradisi seperti penyediaan makanan, ritual keagamaan dan hiasan rumah yang dilakukan oleh masyarakat India. Chera (2020) dan Das (2025) menyatakan bahawa hidangan seperti mangai pachadi dan pongal membawa makna simbolik tentang kehidupan. Di Sri Lanka, masyarakat masih mengamalkan Chithirai Puthandu dengan sembahyang di kuil, memilih pakaian mengikut warna bertuah, dan menyediakan

persembahan untuk dewa-dewi (Lakmali, 2025). Krishnan (2025) pula menjelaskan bahawa elemen seperti kolam dan daun mangga di pintu rumah juga kekal sebagai tanda rohani dan budaya. Kajian Fibiger (2017), mendapati bahawa generasi muda di Denmark diajar tentang pakaian, makanan dan adat menerusi perayaan ini. Khan (2021) menekankan bahawa Puthandu membantu masyarakat mengekalkan identiti dalam dunia moden, manakala Ross dan Frum (2012) melihat sambutan di Kanada sebagai gabungan budaya dan sokongan politik komuniti. Semua contoh ini menunjukkan bahawa walaupun berbeza tempat, perayaan ini masih dipelihara oleh masyarakat India di seluruh dunia sebagai satu bentuk warisan tidak ketara.

2.8 Aplikasi Teori: Teori Identiti Budaya Stuart Hall

Identiti budaya adalah sangat penting bagi memahami bagaimana individu dan kumpulan sosial membentuk makna tentang diri mereka dalam konteks sejarah, kuasa dan representasi. Dalam hal ini, Stuart Hall antara tokoh penting yang membawa pendekatan kritikal terhadap konsep identiti budaya, khususnya dalam konteks globalisasi dan pascakolonial. Kajian ini menggunakan pemikiran Hall yang dibincangkan dalam dua karya utamanya, iaitu *Who Needs Identity?* (2011) dan *Culture, Community, Nation* (2006). Melalui kedua-dua karya ini, Hall menghuraikan bahawa identiti tidak bersifat tetap atau semula jadi, tetapi sentiasa terbentuk dan berubah mengikut pengalaman, persekitaran sosial, dan hubungan kuasa dalam masyarakat.

Menurut Hall (2012), identiti sebagai satu proses yang sentiasa berubah dan dibentuk melalui pengalaman, sejarah dan budaya yang dialami oleh seseorang atau sesuatu komuniti. Hal menyatakan bahawa “identification is a construction, a process never completed always ‘in process’”, yang bermaksud identiti sentiasa dalam proses pembentukan dan tidak pernah muktamad. Beliau juga menolak pandangan bahawa

identiti wujud secara asal atau tulen tetapi identiti wujud kerana adanya perbezaan antara ‘kita’ dan ‘yang lain’. Dalam hal ini, Hall menjelaskan bahawa “identities are constructed through, not outside, difference”, iaitu identiti hanya dapat difahami apabila wujud perbandingan dengan kumpulan lain seperti bangsa, budaya atau agama. Ini menunjukkan bahawa identiti budaya bukan sesuatu yang diwarisi secara automatik tetapi dibentuk dan dibina berdasarkan pengalaman serta naratif sosial.

Dalam penjelasan lanjut, Hall (2006) menerangkan bahawa identiti budaya terbentuk secara sosial melalui pengalaman bersama, hubungan komuniti, simbol dan sejarah yang dikongsi oleh sesebuah kumpulan. Identiti dalam dunia moden sering bersifat berlapis kerana individu berhadapan dengan pelbagai pengaruh budaya dan perlu menyesuaikan diri mengikut konteks yang berbeza. Hall menyatakan bahawa “identities are increasingly fragmented and fractured; never singular but multiply constructed”, bagi menunjukkan bahawa identiti masa kini tidak bersifat tunggal atau tetap. Oleh itu, identiti budaya sentiasa berada dalam proses perubahan dan pembentukan semula, bergantung kepada latar sosial, ruang dan pengalaman yang dilalui oleh individu.

Teori identiti budaya oleh Stuart Hall dapat membantu memahami bagaimana sambutan Chithirai Puthandu berperanan dalam membentuk dan mengekalkan identiti masyarakat India di Malaysia. Hall menegaskan bahawa identiti bukan sesuatu yang tetap atau diwarisi secara automatik, sebaliknya ia terbentuk melalui pengalaman sosial, sejarah, simbol dan budaya yang dikongsi dalam komuniti. Dalam konteks masyarakat India, Chithirai Puthandu bukan sekadar sambutan tahun baru, tetapi merupakan satu ruang budaya yang memperkukuh nilai, kepercayaan dan warisan nenek moyang. Perayaan ini memberi peluang kepada masyarakat khususnya generasi muda untuk menyambung semula hubungan dengan asal-usul mereka melalui amalan ritual, makanan tradisional dan bahasa ibunda. Hall turut menjelaskan bahawa identiti budaya masa kini

bersifat “berlapis dan sentiasa berubah” kerana individu hidup dalam persekitaran yang menggabungkan pelbagai budaya. Oleh itu, perayaan seperti Chithirai Puthandu menjadi salah satu cara komuniti India menyesuaikan identiti mereka dalam masyarakat majmuk tanpa mengabaikan nilai budaya asal.

2.9 Kesimpulan

Kesimpulannya, Bab 2 telah menerangkan dengan terperinci tentang konsep warisan budaya tidak ketara dan penglibatan penting perayaan dalam pemindahan identiti budaya sesebuah komuniti. Dengan mulanya membentangkan warisan budaya tidak ketara dan kepentingan warisan yang diiktiraf oleh UNESCO dan Akta Warisan Negara. Kajian ini memberi tumpuan khusus kepada sambutan Chithirai Puthandu sebagai salah satu contoh warisan budaya tidak ketara masyarakat India yang masih diamalkan secara turun-temurun. Perayaan ini bukan sahaja mencerminkan aspek ritual dan budaya, tetapi juga berperanan dalam memperkukuh nilai kekeluargaan, keagamaan dan identiti etnik.

Selain itu, bab ini juga membincangkan usaha pemeliharaan perayaan budaya seperti Chithirai Puthandu yang boleh dilakukan melalui penglibatan komuniti, pemindahan pengetahuan dan penyesuaian dengan kehendak semasa. Kajian lepas menunjukkan bahawa meskipun berdepan cabaran globalisasi dan perubahan gaya hidup moden, perayaan ini masih dapat dipelihara dengan baik dalam kalangan masyarakat India di pelbagai negara. Akhir sekali, perbincangan teori yang dibawa oleh Stuart Hall memberi kerangka penting dalam memahami bagaimana identiti budaya dibentuk, berubah dan dikekalkan melalui pengalaman budaya yang dikongsi. Justeru, semua aspek yang dibincangkan dalam bab ini menjadi asas penting bagi kajian seterusnya dalam memahami bagaimana Chithirai Puthandu bukan sahaja sebagai sambutan tahunan, tetapi sebagai lambang kesinambungan identiti budaya masyarakat India di Malaysia.

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan

Bab tiga membincangkan mengenai kaedah yang digunakan semasa menjalankan kajian ini mengenai ritual dan tradisi perayaan Tamil Puthandu iaitu tahun baru masyarakat India di Nilai. Metodologi dalam sesebuah kajian sangat penting untuk mengetahui bagaimana kajian ini diselesaikan dan menentukan kesahihan kajian. Bagi memastikan objektif kajian tercapai, reka bentuk kajian, lokasi dan kaedah pengumpulan data diterangkan dalam bab ini dengan lebih terperinci. Kajian ini mengaplikasikan kaedah temu bual, pemerhatian dan mengedarkan borang tinjauan bagi mendapat data primer, manakala kajian-kajian lepas pula dirujuk untuk mengumpul data sekunder. Selain itu, bab ini juga menerangkan tentang teknik pensampelan kajian iaitu teknik pensampelan bebola salji dan teknik pensampelan rawak. Akhir sekali, bab ini juga membincangkan analisis data daripada pendekatan kualitatif yang adalah berbentuk analisis tematik manakala data daripada pendekatan kuantitatif dianalisis dengan menggunakan analisis deskriptif.

3.2 Pendekatan Kajian: Pendekatan Campuran

Pendekatan kajian mengenai ritual dan tradisi perayaan Chithirai Puthandu iaitu Tahun Baru masyarakat India di Nilai adalah menggunakan pendekatan campuran iaitu kualitatif dan kuantitatif. Menurut Shorten dan Smith (2017), pendekatan campuran ialah kaedah yang menggunakan kedua-dua data kuantitatif dan kualitatif dalam kajian bagi mendapatkan hasil yang lengkap dan jelas. Oleh itu, penggunaan pendekatan ini membolehkan lebih ramai orang mengetahui latar belakang perayaan, makna simbolik,

amalan dan perspektif masyarakat tempatan tentang kepentingan Tahun Baru masyarakat India.

3.2.1 Pendekatan Kualitatif

Pendekatan kualitatif bergantung kepada teks dan visual. Menurut Ugwu dan Eze (2023), kajian kualitatif bersifat mengkaji suatu fenomena, kualiti, manifestasi, latar belakang, dan sudut pandangan. Dalam pendekatan ini juga menggunakan data primer dan sekunder. Kaedah pengumpulan data bagi pendekatan ini melalui temu bual, pemerhatian dan survei. Informan dan responden yang terlibat dalam kajian ini merupakan individu yang berpengetahuan dan berkemahiran dalam bidang berkaitan serta mampu memberikan maklumat yang relevan.

3.2.2 Pendekatan Kuantitatif

Menurut Watson (2015), pendekatan kuantitatif ialah kajian yang menggunakan data statistik dan berangka bagi mengkaji fenomena sosial secara sistematik. Kaedah ini melibatkan pengedaran survei dalam bentuk “Google Form” untuk mengumpulkan data yang tepat dan berkaitan. Soalan-soalan yang disediakan juga disusun berdasarkan objektif kajian. Kemudian, data diperiksa untuk mencari maklumat yang menyokong dapatan kajian. Akhir sekali, data ini juga dibentangkan sebagai analisis deskriptif dan tematik.

3.3 Reka Bentuk Kajian: Etnografi

Rekabentuk etnografi digunakan dalam kajian ini bagi memahami budaya, kepercayaan dan amalan masyarakat yang dikaji. Menurut Walters (1980), etnografi

adalah salah satu kaedah penyelidikan yang mengkaji cara hidup, budaya dan kepercayaan sesuatu kumpulan masyarakat. Contohnya, mengumpulkan data kajian melalui pemerhatian secara langsung dan temu bual mendalam dengan masyarakat tersebut.

3.4 Kaedah Pengumpulan Data

Teknik pengumpulan data digunakan untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan untuk memenuhi matlamat kajian. Teknik pengumpulan data yang digunakan ialah survei untuk pendekatan kuantitatif dan temu bual serta pemerhatian untuk pendekatan kualitatif.

3.4.1 Kaedah Temu Bual

Menurut Sahoo (2021), temu bual adalah satu kaedah pengumpulan data melalui komunikasi secara lisan antara penyelidik dan responden. Ia dijalankan bagi mendapatkan maklumat berdasarkan soalan yang telah dirancang. Terdapat tiga struktur temu bual dalam pendekatan kualitatif iaitu temu bual berstruktur, separa berstruktur dan tidak berstruktur. Namun, kajian ini menggunakan temu bual tidak berstruktur. Menurut Merriam (2009), temu bual tidak berstruktur merupakan satu bentuk pengumpulan data yang terbuka yang digunakan untuk menyelami dan memahami sesuatu fenomena yang belum difahami secara mendalam. Dalam kaedah ini, soalan tidak disusun secara tetap malah perbualan berlangsung secara lebih bebas dan fleksibel. Kajian ini menggunakan temu bual tidak berstruktur kepada beberapa informan yang mempunyai lebih berpengetahuan tentang Chithirai Puthandu seperti pendeta kuil, penduduk-penduduk masyarakat India di Nilai serta generasi muda masyarakat tersebut.

Informan ditemu bual secara bersemuka atau secara atas talian. Informan juga diajukan soalan yang relevan dengan objektif kajian.

3.4.2 Kaedah Pemerhatian

Menurut Mazhar (2021), pemerhatian ialah cara pengumpulan data melalui penglibatan secara langsung terhadap sesuatu situasi. Ia dijalankan dengan perancangan yang sistematik, direkod secara teliti, dan dinilai untuk memastikan ketepatan serta kebolehpercayaannya. Justeru, kaedah pemerhatian tanpa penglibatan digunakan dalam kajian ini. Strategi ini dilaksanakan dengan memantau informan dan menjauhkan diri daripada interaksi sosial. Menurut William (2008), pemerhatian tanpa penglibatan langsung dalam aktiviti kumpulan merupakan kaedah yang baik. Hal ini kerana, membolehkan pemerhati melihat tingkah laku semula jadi dalam suasana sebenar tanpa gangguan. Pengkaji melihat segala-galanya, termasuk corak pertuturan, sikap, dan tindakan masyarakat dalam sambutan perayaan Chithirai Puthandu di Nilai, Negeri Sembilan.

3.4.3 Kaedah Survei

Kaedah survei merupakan sebuah kaedah untuk menjalankan soal selidik. Menurut Mills (2024), survei adalah salah satu pengumpulan data yang sistematik bagi mendapatkan maklumat tentang pendapat, tingkah laku atau ciri-ciri sesuatu kumpulan atau individu. Borang soal selidik kajian ini disusun mengikut pembahagian yang selari dengan objektif kajian. Soal selidik kajian ini mengandungi soalan tertutup bagi mendapatkan maklumat yang mudah dianalisis. Contohnya, soalan tertutup mengikut skala likert satu hingga lima iaitu Sangat Tidak Setuju, Tidak Setuju, Tidak Pasti, Setuju dan Sangat Setuju. Penggunaan

soal selidik ini membantu memperoleh data yang jelas dan mudah dianalisis.

Borang survei kajian dibahagikan kepada lima bahagian seperti berikut:

- a. Demografi responden
- b. Kefahaman konsep, tarikh sambutan dan asas astronomi Chithirai Puthandu
- c. Ritual yang diamalkan dalam sambutan Chithirai Puthandu
- d. Amalan keagamaan dan Amalan budaya sambutan Chithirai Puthandu
- e. Pemeliharaan dan Pengekalan Warisan Chithirai Puthandu

Di bahagian A memfokuskan kepada demografi lima soalan dinyatakan seperti jantina, umur, pekerjaan, taraf pendidikan dan penglibatan dalam perayaan. Bahagian B sehingga bahagian E menggunakan skala Likert lima mata untuk mengkaji sejauh mana responden bersetuju dengan pernyataan yang dinyatakan dalam soalan survei.

Bahagian B memfokuskan kepada kefahaman responden terhadap konsep, Tarikh sambutan dan asas astronomi yang terdapat dalam penentuan sambutan Chithirai Puthandu. Bahagian C pula menilai ritual-ritual yang diamalkan dalam sambutan Chithirai puthandu manakala bahagian D tertumpu kepada amalan keagamaan dan amalan budaya yang terdapat dalam sambutan perayaan Chithirai Puthandu.

Pendapat responden tentang pelbagai aspek pemeliharaan warisan Chithirai Puthandu dinilai dalam Bahagian E dengan fokus pada kepentingan nilai tradisional dalam menghadapi perubahan generasi dan kemajuan kontemporari. Tujuan setiap pernyataan adalah untuk mendapatkan pendapat dan persepsi daripada responden berdasarkan pengalaman dan pengetahuan peribadi mereka.

Responden dikehendaki memberikan jawapan yang jujur kepada setiap pernyataan bagi menjamin ketepatan data kajian, tiada jawapan yang betul atau salah.

3.5 Sumber Data

Kajian ini menggunakan sumber data seperti data primer dan data sekunder. Ia membantu dalam pengumpulan maklumat yang efektif.

3.5.1 Data Primer

Menurut Ajayi (2023), data primer adalah data asal yang dikumpulkan secara langsung daripada sumber utama. Dalam kajian ini data primer merupakan data yang dikumpulkan melalui temu bual, pemerhatian dan survei. Kaedah ini membolehkan pengumpulan maklumat yang lebih tepat dan relevan mengikut konteks kajian.

3.5.2 Data Sekunder

Menurut Martin & Pavlovskaya (2010), menyatakan bahawa data sekunder sebagai maklumat yang telah dihasilkan oleh pihak lain, seperti organisasi kerajaan, perniagaan swasta, kajian saintifik terdahulu, arkib, atau koleksi maklumat, dan bukannya dikumpulkan oleh penyelidik sendiri. Jadi dalam kajian menggunakan beberapa artikel, jurnal, laman web rasmi, laporan media serta dokumen sebagai data sekunder bagi mendapatkan segala maklumat berkaitan sambutan Chithirai Puthandu oleh masyarakat India.

3.6 Alat Bantu Kajian

Pelbagai alat kajian digunakan untuk merekod semua maklumat yang dikumpul daripada responden dalam kajian mengenai Chithirai Puthandu di Nilai, Negeri Sembilan.

Analisis data dibantu dengan penggunaan alat kajian. Perakam suara, telefon bimbit dan nota lapangan adalah beberapa peralatan yang digunakan.

a) Telefon Bimbit

Telefon bimbit digunakan oleh pengkaji untuk merakam video atau mengambil gambar ketika menjalankan kajian temu bual bersama informan. Video yang dirakam disimpan dalam telefon bimbit dan turut dibuat salinan bagi mengelakkan kehilangan data.

b) Perakam Suara

Temu bual juga dirakam menggunakan perakam suara terutamanya apabila informan menawarkan maklumat atau menjawab soalan yang diajukan. Bagi memastikan tiada maklumat penting terlepas pandang semasa analisis data rakaman suara didengar semula.

c) Nota Lapangan

Data lapangan juga digunakan dalam kajian ini untuk mencatatkan data temu bual. Maklumat yang direkodkan dalam nota lapangan berfungsi sebagai panduan untuk menilai ketepatan data yang dikumpul berhubung dengan matlamat yang ditetapkan.

3.7 Pensampelan Kajian

Menurut Makwana (2023), pensampelan kajian merujuk kepada proses memilih sebahagian daripada populasi untuk dijadikan sampel dalam sesuatu kajian. Ini kerana mengkaji keseluruhan populasi memerlukan masa yang lama dan kos yang tinggi. Kajian ini menggunakan kaedah pensampelan bebola salji dan pensampelan rawak. Teknik

pensampelan ini membantu memastikan data yang diperoleh adalah relevan dan selaras dengan objektif kajian.

Kaedah pensampelan bebola salji digunakan untuk mengenal pasti informan yang boleh mencadangkan individu lain yang sesuai dengan kajian ini. Menurut Naderifar et al. (2017), pensampelan bola salji digunakan apabila sukar untuk mencari informan secara terus. Dalam kaedah ini, peserta awal akan cadangkan orang lain yang mereka kenal untuk turut serta dalam kajian. Oleh itu, dalam kajian ini informan awal seperti pendeta kuil mencadangkan individu lain yang turut berpengetahuan dan berperanan dalam sambutan perayaan Chithirai Puthandu. Manakala pensampelan rawak adalah kaedah pemilihan sampel secara rawak yang mana setiap ahli populasi mempunyai peluang yang sama untuk dipilih tanpa pengulangan (Bowling & Ebrahim, 2005). Ia membantu dalam dapat sampel responden secara adil dan seimbang. Kaedah ini juga membantu mendapatkan data yang mewakili populasi sebenar dan mengenal pasti corak penglibatan dalam sambutan Chithirai Puthandu.

Jadual 3.1: Informan Temu Bual

(Sumber: Kajian Lapangan, 2025)

Kod	Peranan	Umur
Informan 1	Pendeta kuil	35
Informan 2	Jurutera Automotif dan penyelidik	55
Informan 3	Guru	56
Informan 4	NGO	26
Informan 5	Wartawan	24
Informan 6	Guru	30

Dalam kajian ini seramai enam orang informan telah temu bual antaranya ialah pendeta kuil, pendidik, penyelidik dan wartawan seperti yang ditunjukkan dalam jadual 3.1 di atas.

3.8 Analisis Data

Dua kaedah analisis data iaitu analisis tematik dan deskriptif digunakan dalam kajian ini. Bagi menganalisis data kualitatif dalam kajian ini, kaedah analisis tematik digunakan untuk mengenal pasti tema-tema utama berkaitan pengalaman dan pandangan masyarakat India di Nilai terhadap sambutan Chithirai Puthandu. Manakala data kuantitatif daripada soal selidik dianalisis menggunakan analisis deskriptif bagi menentukan kekerapan dan corak penglibatan responden dalam tradisi tersebut.

a) Analisis Tematik



Rajah 3.1: Langkah Analisis Data

Rajah 3.1 menunjukkan proses menganalisis data dalam kaedah tematik.

Dalam kajian ini analisis dimulakan dengan membiasakan diri dengan data dan berakhir dengan menulis laporan. Kajian menggunakan analisis tematik berdasarkan langkah-langkah dicadangkan oleh Braun dan Clarke.

Jadual 3.2: Analisis Tematik

A	Baik Sir. Jadi soalan seterusnya adalah, adakah sir menyambut Chithirai Puthandu?		
B	Ahh..... kalau soalan ditanya sebagai peribadi saya akan kata setiap hari adalah hari yang baru, sekarang macam anda, orang baru saya kenal jadi ini adalah pengalaman baru dengan orang baru. Di rumah isteri saya ikut tradisi jadi saya ikut sahaja dengan pergi kuil. Jika anda bertanya kepada saya secara khusus, saya tidak akan mengatakan hari tertentu untuk Tahun Baru. Mungkin pemikiran ini datang dari 25 tahun saya belajar tentang kuil dan penyelidikan astronomi. Baik, soalan seterusnya.	Setiap hari - hari yang baharu Pengalaman baharu - jumpa orang baharu Ikut isteri Tiada hari tertentu Pembelajaran dan penyelidikan	Konsep Chitirai Puthandu Konsep Chitirai Puthandu Pengaruh sambutan CP Konsep Chitirai Puthandu Pengaruh sambutan CP
A	Baik Sir, bolehkah Sir terangkan apa ritual yang terdapat dalam sambutan Chithirai Puthandu ini?		
B	Baik, di sini kita ada dua perkara. Masyarakat India menyatakan bahawa bulan chithirai iaitu dalam bulan April hari ke 15 adalah tahun baru tamil. Tetapi kalau anda tanya soalan ini kepada masyarakat India di Negara India pendapat mereka lain. Bagaimana? Iaitu Sambutan Pongal iaitu jatuh pada bulan Januari, mereka klasifikasi itu sebagai tahun baru. Jadi terdapat banyak perbezaan dalam pendapat sambutan Chithirai Puthandu ini. Ada sebab tentang perbezaan pendapat ini. Pertama, dari segi astronomi India dikatakan	Malaysia :April Sambutan Pongal India: Januari	Tarikh Sambutan Nama lain yang digunakan Tarikh sambutan

Jadual 3.2 menunjukkan analisis tematik daripada temu bual yang dijalankan oleh pengkaji. Setelah membuat transkrip, kajian terus dengan mencari kata kunci bagi menjana kod awal. Hal ini kerana, kod-kod ini membantu dalam mengatur data supaya mudah dianalisis secara sistematik.

Jadual 3.3: Susunan Kod dan Tema**SUSUNAN KOD DAN TEMA**

Bil	Tema	Kod
1.	Konsep chithirai puthandu	Setiap hari- hari yang baru (1) pengalaman baru (1) tiada hari tertentu (1) Permulaan baru (3) Disambut sehari (3) Sembahyang untuk kehidupan sihat (3) Sambut setiap tahun Kalendar dan pengiraan (4) Tahun baru india bukan 1 januari (5) Sambutan ikt kalendar (5) Disambut satu hari (6)
2.	Pengaruh sambutan	Ikut isteri (1) Pembelajaran dan penyelidikan (1) Anak-anak lihat (2) Ikut saya (2) Diteruskan (2) Sejak kecil (5) Keluarga sambut (5) Mewarisi (5) Bersama keluarga (6)
3.	Tarikh sambutan	Malaysia- bulan april (1) April 15 (1) Bulan april- 14hb/15hb (2) Tahun baru india- bulan april (4)
4.	Asas astronomi dalam Chithirai puthandu	Pergerakan matahari (1) Kedudukan matahari ke utara (1) Astronomi tamil (1)

Jadual 3.3 menunjukkan susunan kod dan tema yang telah dihasilkan daripada hasil temu bual bersama Informan. Selepas penjanaan kod awal, kod dengan konteks dan makna yang berkaitan telah dikumpulkan untuk mencipta tema utama kajian. Bagi mengesahkan kesesuaian dan ketepatan tema yang dibentuk, hubungan antara kod dan data asal telah diperiksa semula.

i) Membiasakan diri dengan data

Merriam (2009) menegaskan bahawa langkah pertama analisis tematik adalah memahami data secara keseluruhan seperti membaca dan menyemak makna tersirat serta tersurat. Oleh itu, dalam kajian ini hasil

data daripada temu bual, nota lapangan, dokumen dan sebagainya dibaca teliti bagi mendapatkan pemahaman menyeluruh tentang konteks dan isi data.

ii) Menjana Kod Awal

Seterusnya, setiap segmen atau kata kunci yang berkaitan dengan kajian akan diperhatikan dengan betul dan diberi kod ringkas. Hal ini kerana, kod-kod ini membantu dalam mengatur data supaya mudah dianalisis secara sistematik. Seperti Merriam (2009), menjelaskan kod berfungsi sebagai sistem penandaan untuk mengenal pasti aspek utama dalam data yang boleh digunakan semula.

iii) Mencari Tema

Selepas kod-kod dikumpul, ia akan digabungkan dan dikategorikan kepada tema yang lebih luas. Contohnya, tema amalan, sosial dan warisan budaya dalam sambutan Chithirai Puthandu. Menurut Merriam (2009), langkah ini penting untuk menghasilkan pemahaman yang lebih kompleks dan menyeluruh terhadap data kajian.

iv) Menyemak Tema

Langkah yang seterusnya adalah, penyemakan semula pada tema-tema yang dikenalpasti dengan merujuk semula kepada data asal dan objektif kajian. Ini penting bagi memastikan tiada unsur penting tradisi Chithirai Puthandu yang terlepas pandang. Menurut Merriam (2009), semakan semula penting untuk memastikan semua tema sesuai dengan objektif kajian dan mewakili keseluruhan data.

v) Menamakan dan Mentakrifkan Tema

Langkah kelima adalah, menamakan dan mentakrifkan tema bagi analisis kajian ini. Merriam (2009), menyatakan bahawa nama bagi kategori atau tema harus mencerminkan isi dan makna sebenar data secara tepat dan mudah. Hal ini, setiap tema diberikan nama yang bersifat reflektif dan mudah difahami.

vi) Menulis laporan

Akhirnya, laporan ditulis dengan menggabungkan tema-tema yang telah dikenalpasti bersama petikan data sokongan. Penulisan akan menekankan bagaimana elemen ritual dalam Chithirai Puthandu memainkan peranan dalam pemeliharaan identiti dan warisan budaya masyarakat India. Merriam (2009) menyatakan bahawa fasa terakhir ini penting untuk menyampaikan hasil kajian dengan jelas dan menyeluruh.

b) Analisis Deskriptif

	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10
A										
B										
C										
D										
E										
F										
G										
H										
I										
J										
K										
L										
M										
N										
O										
P										
Q										
R										
S										
T										
U										
V										
W										
X										
Y										
Z										

Rajah 3.4: Analisis deskriptif menggunakan Microsoft Excel

Analisis deskriptif digunakan dalam kajian ini untuk memahami data dengan lebih jelas dan tersusun. Maklumat penting akan dikenalpasti dan diuraikan satu per satu tanpa andaian awal. Pendekatan ini membantu memberikan gambaran sebenar tentang bagaimana sambutan Chithirai Puthandu dijalankan serta maksudnya bagi masyarakat yang terlibat. Seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 3.4, data kajian telah dianalisis secara deskriptif dengan mengira nilai min dan sisihan piawai untuk menyerlahkan kecenderungan dan variasi responden terhadap pernyataan kajian.

Jadual 3.4: Cronbach's Alpha

Reliability Statistics	
Cronbach's Alpha	N of Items
0.970	38

Jadual 3.4 menunjukkan data daripada skala likert diuji dengan menggunakan ujian kebolehpercayaan Cronbach's Alpha. Keputusan ujian kebolehpercayaan menunjukkan bahawa nilai Cronbach's Alpha ialah 0.970 bagi 38 item yang diuji. Nilai ini berada pada tahap sangat tinggi iaitu melebihi 0.90. Ini menunjukkan bahawa instrumen soal selidik mempunyai konsistensi dalaman (internal consistency) yang sangat baik dan item-item dalam konstruk tersebut adalah saling berkaitan serta mengukur konsep yang sama secara stabil. Secara keseluruhannya, nilai Cronbach's Alpha 0.970 menandakan bahawa instrumen ini adalah sangat baik dipercayai dan sesuai digunakan untuk tujuan penyelidikan.

3.9 Kesimpulan

Kesimpulannya, agar sesuatu kajian dapat dijalankan secara tersusun dan sistematik, metodologi merupakan elemen penting. Penyelidikan yang diterangkan dalam kajian ini menggunakan kaedah campuran yang menggabungkan kedua-dua teknik kualitatif dan kuantitatif untuk mendapatkan maklumat yang lebih mendalam dan komprehensif. Manakala survei digunakan untuk mengumpul data kuantitatif, pemerhatian dan temu bual merupakan sumber data kualitatif. Penyelidikan ini mampu memudahkan pencapaian objektif yang berkaitan dengan perayaan Chithirai Puthandu dan menggambarkan gambaran yang lebih lengkap dengan penggabungan kedua-dua pendekatan ini.

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan

Bab ini membincangkan hasil dapatan kajian yang dijalankan dalam kalangan masyarakat India di kawasan Nilai bagi meneliti persepsi mereka terhadap amalan perayaan Chithirai Puthandu. Berdasarkan analisis data kualitatif dan kuantitatif, sembilan tema utama telah dikenal pasti. Demografi responden yang memberi tumpuan kepada latar belakang dan penglibatan masyarakat dalam perayaan Chithirai Puthandu adalah salah satu tema pertama yang dibincangkan dalam kajian. Seterusnya, kajian tertumpu kepada kefahaman responden terhadap konsep Chithirai Puthandu dan asas astronomi yang menetapkan tarikh perayaan. Tema ritual pula mendedahkan amalan tradisional semasa perayaan ini. Tambahan pula, tema amalan keagamaan yang merangkumi aktiviti spiritual dalam sambutan Chithirai Puthandu. Tema amalan budaya mencerminkan identiti dan warisan masyarakat India. Dalam konteks kelestarian, tema pemuliharaan dan pengekalan warisan Chithirai Puthandu meneliti usaha mengekalkan nilai dan identiti budaya perayaan ini. Dalam bab ini juga membincangkan tema persediaan sambutan perayaan Chithirai Puthandu yang merangkumi amalan persediaan awal sebelum sambutan dilaksanakan. Akhir sekali, perbincangan turut merangkumi tema kepentingan Chithirai Puthandu dalam kehidupan masyarakat India serta cabaran yang dihadapi dalam pelaksanaan sambutan perayaan ini.

4.2 Demografi Responden

Bahagian ini mengandungi demografi responden yang terdiri jantina, umur, pekerjaan, taraf pendidikan dan tahap penglibatan responden dalam perayaan. Maklumat-maklumat responden diperoleh dari kajian survei seperti berikut:

a. Jantina Responden

Jadual 4.1: Jantina Responden
(Sumber: Kajian Lapangan, 2025)

	Kategori	Kekerapan	Peratus
Jantina	Perempuan	173	57.7%
	Lelaki	127	42.3%
Jumlah Keseluruhan		300	100%

Berdasarkan Jadual 4.1, jumlah keseluruhan responden adalah seramai 300 orang (100%). Seramai 42.3% responden lelaki iaitu 127 orang dan selebihnya adalah 57.7% responden perempuan iaitu 173 orang. Hasil dapatan data menunjukkan responden perempuan lebih ramai bandingkan dengan responden lelaki.

b.Umur Responden

Jadual 4.2: Umur Responden
(Sumber: Kajian Lapangan, 2025)

Umur	Bilangan	Peratus
18 tahun dan ke bawah	22	7.3%
20 - 29 tahun	148	49.3%
30 - 39 tahun	78	26%
40 - 49 tahun	38	12.7%
50 - 59 tahun	11	3.7%
60 tahun dan ke atas	3	1%
Jumlah Keseluruhan	300	100%

Jadual 4.2 menunjukkan enam kategori peringkat umur responden yang dinyatakan dalam borang kajian survei iaitu 18 tahun dan ke bawah, 20-29 tahun, 30-39 tahun, 40-49 tahun, 50-59 tahun dan 60 tahun dan ke atas.

Sebanyak 148 (49.3%) responden berumur di antara 20-29 tahun dan 78 (26%) adalah responden berumur 30-39 tahun. Selain itu, responden yang terdiri daripada umur 40-49 tahun adalah seramai 38 (12.7%) orang dan seramai 22 (7.3%) orang terdiri daripada responden berumur 18 tahun dan ke bawah. Akhir sekali, terdapat 11 (3.7%) orang responden berumur 50-59 tahun dan 3 (1%) orang sahaja responden yang berumur 60 tahun dan ke atas menjawab boring survei.

Oleh itu, berdasarkan dapatan kajian yang dijalankan, golongan responden berumur 20 hingga 29 tahun merupakan kategori umur paling ramai terlibat dalam survei ini. Hal ini kerana kebanyakan daripada responden terdiri daripada generasi muda masyarakat India di Nilai yang masih aktif mengikuti, mengamalkan serta memberi pandangan terhadap perayaan Chithirai Puthandu.

c. Pekerjaan Responden

Jadual 4.3: Pekerjaan Responden
(Sumber: Kajian Lapangan, 2025)

Pekerjaan	Bilangan	Peratus
Pelajar	107	35.7%
Swasta	75	25%
Sendiri	48	16%
Kerajaan	44	14.7%
Tidak Bekerja	26	8.7%
Jumlah Keseluruhan	300	100%

Lima jenis pilihan pekerjaan responden telah disenaraikan di dalam survei seperti Jadual 4.3 iaitu dari sektor kerajaan, swasta, sendiri, tidak bekerja dan pelajar. Bilangan responden tertinggi adalah pelajar iaitu seramai 107 orang (35.7%), diikuti dengan pekerja dari sektor swasta seramai 75 orang (25%). Responden yang bekerja sendiri pula seramai 48 orang (16%) dan 44 orang (14.7%) adalah responden yang bekerja di sektor kerajaan. Akhir sekali, hanya 26 orang (8.7%) responden yang tidak bekerja.

Berdasarkan jadual 4.3, bilangan pelajar yang tinggi menggambarkan bahawa golongan ini mempunyai pengetahuan mengenai perayaan Chithirai Puthandu melalui institusi pendidikan. Dapatan ini disokong oleh Informan 5 yang menyatakan institusi turut berperanan dalam menyambut Chithirai Puthandu dalam kalangan pelajar India melalui pelaksanaan program di bawah kelab bahasa. Informan 5 menjelaskan, “...contoh di universiti saya sendiri, melalui program di bawah kelab Bahasa Tamil kita akan menyambut perayaan Chithirai Puthandu. Kita pakai pakaian tradisional, buat aktiviti kecil-kecilan dan sambut bersama-sama” (Informan 5, Temu Bual, 20 September 2025). Dapatan ini selari dengan kajian Yatim et al. (2025) yang menjelaskan bahawa institusi pendidikan berperanan penting dalam menyampaikan pengetahuan budaya melalui aktiviti pembelajaran formal dan tidak formal. Menurut Yatim et al. (2025) menegaskan penglibatan pelajar dalam aktiviti perayaan budaya dapat meningkatkan kefahaman dan kesedaran terhadap warisan budaya.

Sehubungan itu, dapatan kajian menunjukkan bahawa amalan aktiviti budaya sempena perayaan seperti pemakaian pakaian tradisional serta aktiviti kebudayaan kecil-kecilan di bawah program institusi pendidikan membantu meningkatkan kefahaman pelajar terhadap perayaan Chithirai Puthandu. Oleh itu, faktor pendidikan dan penglibatan program institusi menjadi antara sebab utama golongan pelajar merupakan kumpulan responden tertinggi dalam kajian ini.

d.Tahap Pendidikan Responden


Jadual 4.4: Tahap Pendidikan Responden

(Sumber: Kajian Lapangan, 2025)

Tahap Pendidikan	Bilangan	Peratus
Ijazah Sarjana Muda	101	33.7%
Diploma / STPM	83	27.7%
SPM	73	24.3%
Sarjana	32	10.7%
Doktor Falsafah	6	2%
Tiada	5	1.7%
Jumlah Keseluruhan	300	100%

Berdasarkan Jadual 4.4, terdapat enam jenis tahap pendidikan telah dikenal pasti dari responden yang menjawab soalan survei kajian ini. Responden tertinggi mempunyai tahap pendidikan daripada Ijazah Sarjana Muda iaitu seramai 101 orang (33.7%) dan diikuti dengan Diploma atau STPM adalah seramai 83 orang (27.7%). Responden yang mempunyai SPM adalah seramai 73 orang (24.3%) dan Sarjana pula seramai 32 orang (10.7%). Akhir sekali, seramai 6 orang (2%) terdiri daripada responden Doktor Falsafah, manakala 5 orang (1.7%) adalah responden yang tidak mempunyai pendidikan formal.

a. Tahap Penglibatan Responden Dalam Perayaan Chithirai Puthandu



Rajah 4.1: Penglibatan Responden

(Sumber: Kajian Lapangan, 2025)

Berdasarkan rajah 4.1, kesemua responden menyambut Chithirai Puthandu setiap tahun. Hal ini selari dengan laporan Krishnan (2024) yang menyatakan bahawa perayaan Tahun Baru India pada 14 April merupakan festival tahunan yang menjadi amalan budaya penting dalam komuniti. Tradisi ini dikaitkan dengan tema pembaharuan, refleksi dan kesinambungan warisan budaya. Justeru, sambutan Chithirai Puthandu dalam kalangan responden mencerminkan kepentingannya sebagai perayaan tahunan yang terus dipelihara.

4.3 Tahap Kefahaman Konsep, Tarikh Sambutan serta Asas Astronomi Chithirai Puthandu

Survei kajian ini menggunakan skala likert lima mata iaitu sangat tidak setuju (1), tidak setuju (2), neutral (3), setuju (4), dan sangat setuju (5). Analisis dan interpretasi data skala likert adalah berdasarkan bacaan purata (*mean*) yang dicadangkan oleh Pimental (2010) iaitu, 1.00 - 1.79 (sangat tidak setuju), 1.80 - 2.59 (tidak setuju), 2.60 - 3.39 (neutral), 3.40 - 4.19 (setuju) dan 4.20 - 5.0 (sangat setuju). Bahagian ini membincangkan tahap kefahaman konsep, tarikh sambutan dan asas astronomi dalam sambutan Chithirai Puthandu.

Jadual 4.5: Tahap Kefahaman Konsep, Tarikh Sambutan dan Asas Astronomi Chithirai Puthandu
(Sumber: Kajian Lapangan, 2025)

No.	Tahap Kefahaman Konsep, Tarikh Sambutan dan Asas Astronomi Chithirai Puthandu	Purata (Mean)	Sisihan Piawai (SD)
1.	Chithirai Puthandu disambut setiap tahun.	4.56	0.71
2.	Chithirai puthandu membantu individu memulakan tahun dengan niat, nilai dan amalan kehidupan yang lebih baik.	4.49	0.74
3.	Chithirai Puthandu ialah tahun baru masyarakat India.	4.46	0.71
4.	Chithirai Puthandu tetap disambut walaupun jatuh pada hari bekerja, sama ada di kuil atau di rumah.	4.45	0.73
5.	Chithirai Puthandu melambangkan permulaan baru bagi masyarakat India.	4.43	0.73
6.	Chithirai Puthandu biasanya disambut pada 14 atau 15	4.42	0.74

	April setiap tahun.		
7.	Chithirai Puthandu ditentukan berdasarkan pergerakan matahari dan sistem kalendar Tamil tradisional.	4.42	0.72
8.	Bentuk sambutan Chithirai Puthandu berbeza mengikut keluarga, sama ada dirayakan secara sederhana atau lebih meriah.	4.36	0.79
9.	Chithirai Puthandu perlu diraikan untuk mengekalkan budaya dan identiti masyarakat India.	4.05	0.71

Jadual 4.5 menunjukkan tahap kefahaman konsep, tarikh sambutan dan asas astronomi Chithirai Puthandu. Sebanyak sembilan soalan telah dikeluarkan dalam borang survei kajian ini. Masyarakat India di Nilai sangat bersetuju bahawa perayaan Chithirai Puthandu disambut setiap tahun dengan skor purata sebanyak 4.56 (SD 0.71). Dapatan menunjukkan perayaan Chithirai Puthandu disambut sebagai perayaan tahunan. Hal ini membuktikan bahawa Chithirai Puthandu masih dipertahankan sebagai warisan budaya yang berterusan dalam kalangan masyarakat India. Dapatan ini selari dengan kenyataan daripada sesi temu bual bersama Informan 5 yang menyatakan bahawa, “...perayaan ini disambut sejak kecil sampai sekarang, keluarga saya tetap menyambut perayaan Chithirai Puthandu. Boleh dikatakan sebagai satu warisanlah” (Informan 5, Temu Bual, 20 September 2025). Pernyataan ini menunjukkan bahawa amalan menyambut Chithirai Puthandu dalam keluarganya berlangsung secara turun-temurun dan masih dikekalkan hingga kini.

Seterusnya, masyarakat juga sangat setuju dengan pernyataan bahawa Chithirai Puthandu membantu individu memulakan tahun dengan niat, nilai dan amalan kehidupan

yang lebih baik dengan purata sebanyak 4.49 (SD 0.74). Dapatan ini selari dengan kenyataan Informan 2 yang menegaskan, “...kehidupan manusia selalu mencari titik permulaan dalam segala hal. Chithirai Puthandu ini menjadi masa terbaik untuk masyarakat membuat azam tahun, mula makan makanan sihat, hidup bermoral dan sebagainya...” (Informan 2, Temu Bual, 13 Ogos 2025). Dapatan menunjukkan bahawa sambutan Chithirai Puthandu memainkan peranan penting dalam memperbaiki diri dan membentuk rutin baharu yang lebih positif.

Selain itu, pernyataan Chithirai Puthandu merupakan tahun baru masyarakat India juga sangat dipersetujui oleh responden dengan purata sebanyak 4.46 (SD 0.71). Dapatan ini dibuktikan dengan kajian Sankar (2024) bahawa sambutan tahun baru masyarakat India yang dikenali sebagai Chithirai Puthandu bukan sahaja diraikan di Tamil Nadu (India) malah turut disambut dengan meriah di negara-negara yang mempunyai komuniti diaspora Tamil seperti Malaysia, Singapura, Sri Lanka, Kanada dan Mauritius.

Responden turut sangat setuju dengan pernyataan Chithirai Puthandu tetap disambut walaupun jatuh pada hari bekerja sama ada di kuil atau di rumah dengan purata sebanyak 4.45 (SD 0.73). Dapatan menunjukkan rutin harian tidak menghalang masyarakat dari meneruskan sambutan Chithirai Puthandu. Pernyataan ini dikuatkan melalui penjelasan Informan 4, “...disebabkan perlu pergi kerja, mereka juga tidak mematuhi amalan berpakaian tradisional... tetapi pada masa yang sama sambutan perayaan Chithirai Puthandu masih kekal.,” (Informan 4, Temu bual, 11 September 2025). Kenyataan ini menggambarkan bahawa walaupun bentuk sambutan berubah mengikut kesesuaian masa dan nilai perayaan tersebut tetap dipelihara.

Di samping itu, responden juga menunjukkan tahap kefahaman yang tinggi terhadap tarikh sambutan Chithirai Puthandu yang disambut pada 14 atau 15 April setiap tahun

dengan purata min 4.42 (SD 0.74) dan diikuti dengan kefahaman tentang asas astronomi iaitu Chithirai Puthandu ditentukan berdasarkan pergerakan matahari dalam sistem kalendar Tamil tradisional dengan purata min sebanyak 4.42 (SD 0.72). Pernyataan ini dapat disokong menurut penjelasan Mawari (2025) yang menyatakan sekiranya Mesha Sankranthi (Aries) berlaku selepas matahari terbit dan sebelum matahari terbenam, maka perayaan Chithirai Puthandu akan disambut pada hari yang sama. Namun, fenomena tersebut berlaku selepas matahari terbenam dan sambutan Chithirai Puthandu ditangguhkan ke hari berikutnya. Penjelasan ini secara langsung mengukuhkan kefahaman responden mengenai tarikh dan asas astronomi yang menentukan permulaan Chithirai Puthandu.

Tambahan pula, responden menunjukkan persetujuan sangat tinggi terhadap bentuk sambutan Chithirai Puthandu berbeza mengikut keluarga sama ada dirayakan secara sederhana atau lebih meriah dengan purata sebanyak 4.36 (SD 0.79). Hal ini disokong oleh Informan 4 yang menjelaskan:

...Contoh seperti ada yang mengalami kekurangan pendapat. Jadi mereka sambut secara kecil-kecilan seperti sembahyang di rumah, beli barangan yang secukup untuk sembahyang dan juga masak serta makan bersama keluarga sendiri sahaja. Sesetengah orang ada juga yang tidak mampu beli baju baru, beli kuih-muih manis. Mereka menyambut ikut kemampuan (Informan 4, Temu bual, 11 September 2025).

Dapatan menjelaskan bahawa walaupun terdapat kekangan dari segi masyarakat India masih meneruskan sambutan Chithirai Puthandu dan menghargai warisannya.

Akhir sekali, skor purata sebanyak 4.05 (SD 0.71) menunjukkan bahawa responden bersetuju Chithirai Puthandu perlu diraikan untuk mengekalkan budaya dan identiti

masyarakat India. Ini menunjukkan majoriti responden mempercayai bahawa Chithirai Puthandu dapat melestarikan budaya seperti yang dihuraikan oleh Informan 1, “...*untuk mengekalkan identiti warisan masyarakat India perayaan begini memang memainkan peranan penting.*” (Informan 1, Temu Bual, 12 September 2025)

4.4 Ritual Yang Diamalkan Dalam Sambutan Chithirai Puthandu

Bahagian ini membincangkan mengenai ritual yang diamalkan dalam sambutan Chithirai Puthandu.

Jadual 4.6: Ritual Yang Diamalkan Dalam Sambutan Chithirai Puthandu
(Sumber: Kajian Lapangan, 2025)

No.	Ritual Yang Diamalkan Dalam Sambutan Chithirai Puthandu	Purata (Mean)	Sisihan Piawai (SD)
1.	Ritual Chithirai Puthandu dilihat berperanan dalam mengekalkan kesinambungan tradisi serta identiti budaya keluarga.	4.52	0.69
2.	Penggunaan daun mangga, daun kelapa dan hiasan tradisional di pintu rumah diamalkan sebagai ritual simbolik menyucikan dan memberkati rumah pada hari Chithirai Puthandu.	4.39	0.71
3.	Pelaksanaan sembahyang di rumah dan kunjungan ke kuil merupakan ritual keagamaan utama pada hari Chithirai Puthandu.	4.37	0.70
4.	Pemakaian pakaian tradisional seperti saree, dhoti atau kurta dianggap sebagai satu ritual penting dalam meraikan Chithirai Puthandu.	4.35	0.69
5.	Mandi dan memakai pakaian baru sebagai sebahagian daripada amalan ritual Chithirai puthandu.	4.32	0.73
6.	Penyediaan dan perkongsian makanan bersama keluarga menjadi amalan pada hari perayaan.	4.32	0.68
7.	Amalan bangun awal pagi menjadi permulaan kepada pelaksanaan ritual Chithirai Puthandu.	4.28	0.70
8.	Hidangan khas seperti mango pachadi atau makanan berasaskan konsep enam rasa (Aaru Suvai) merupakan sebahagian daripada ritual tradisi semasa Chithirai Puthandu.	4.26	0.69
9.	Penyediaan dulang berisi cermin, emas, duit, buah-buahan dan sayuran sebagai simbol permulaan tahun baharu diamalkan semasa Chithirai Puthandu.	4.24	0.72
10.	Kunjungan ke rumah saudara-mara diamalkan sebagai	3.93	0.93

	tradisi yang mengekalkan hubungan kekeluargaan semasa sambutan Chithirai puthandu		
--	---	--	--

Jadual 4.6 menunjukkan dapatan kajian mengenai ritual yang diamalkan dalam sambutan Chithirai Puthandu. Dalam bahagian ini terdapat sepuluh pernyataan dikeluarkan dalam borang survei. Daripada sepuluh soalan sembilan pernyataan sangat dipersetujui oleh responden dan satu pernyataan sahaja dipersetujui oleh responden. Pertama, responden sangat setuju bahawa ritual Chithirai Puthandu berperanan dalam mengekalkan kesinambungan tradisi serta identiti budaya keluarga dengan purata 4.52 (SD 0.69). Dapatan membuktikan bahawa Chithirai Puthandu bukan sahaja dianggap sebagai sambutan biasa malah menjadi elemen utama yang membantu memelihara identiti, nilai kekeluargaan dan kesinambungan tradisi dalam keluarga masyarakat India. Berdasarkan analisis Nithya dan Thangaraju (2025), perayaan seperti Tamil New Year (Puthandu) sering dianjurkan bagi memupuk dan menanam nilai budaya dalam kalangan generasi muda. Hal ini membuktikan bahawa ritual seperti Chithirai Puthandu berperanan penting dalam mengekalkan kesinambungan tradisi dan identiti budaya keluarga.

Seterusnya, responden sangat bersetuju dengan pernyataan bahawa penggunaan daun mangga, daun kelapa dan hiasan tradisional di pintu rumah diamalkan sebagai ritual simbolik untuk menyucikan serta memberkati rumah pada hari Chithirai Puthandu dengan skor purata 4.39 (SD 0.79). Hal ini disokong dengan Informan 4 yang menjelaskan “...biasanya kita hias rumah dengan daun mangga atau daun kelapa, itu sebagai tanda suci untuk sambutan Chithirai Puthandu...” (Informan 4, Temu bual, 11 September 2025). Amalan menghias menggunakan alam semula jadi masih diamalkan sebagai simbol penyucian dan perlindungan. Pelaksanaan sembahyang di rumah dan kunjungan ke kuil sebagai ritual keagamaan utama pada hari perayaan Chithirai Puthandu turut memperoleh tahap persetujuan yang sangat tinggi daripada responden dengan purata

sebanyak 4.37 (SD 0.70). Seperti dijelaskan oleh Informan 1, “...pada pagi perayaan... sembahyang di rumah bersama keluarga. Lepas tu biasanya kami akan pergi ke kuil...” (Informan 1, Temu Bual, 12 September 2025). Ini membuktikan masyarakat India masih mengekalkan pengamalan ritual keagamaan seperti sembahyang di rumah dan kunjungan ke kuil sebagai tradisi utama perayaan sambutan Chithirai Puthandu.

Selain itu, responden juga sangat setuju dengan pernyataan pemakaian pakaian tradisional seperti saree, dhoti atau kurta dianggap sebagai satu ritual penting dalam meraikan Chithirai Puthandu dengan skor purata 4.35 (SD 0.69) dan diikuti dengan mandi dan memakai pakaian baru sebagai sebahagian daripada amalan ritual Chithirai puthandu dengan skor purata 4.32 (SD 0.73). Kedua-dua amalan ini menunjukkan bahawa masyarakat India menitikberatkan aspek kesucian dan kesopanan semasa menyambut tahun baru. Hal ini turut disahkan oleh Informan 2 bahawa, “...sudah tentu kita pakai pakaian tradisional seperti vesti jippa, saree... Ia memang budaya kita untuk pakai pakaian tradisional yang sopan dan sesuai semasa perayaan.” (Informan 2, Temu Bual, 13 Ogos 2025). Justeru, penggunaan pakaian tradisional serta amalan mandi dan memakai pakaian baharu menjadi simbol permulaan yang suci dan bermakna dalam sambutan Chithirai Puthandu.

Di samping itu, responden sangat bersetuju bahawa penyediaan dan perkongsian makanan bersama keluarga menjadi amalan pada hari perayaan serta bangun awal pagi mewakili permulaan upacara Chithirai Puthandu dengan skor purata masing-masing sebanyak 4.32 (SD 0.68) dan 4.28 (SD 0.70). Hal ini disokong oleh Informan 6 yang menyatakan “...pada hari Tamil Chithirai Puthandu, kami bangun awal pagi, sediakan semua keperluan dan siapkan makanan. kemudian sembahyang bersama makanan dan manisan dan jiran serta saudara-mara akan meraikan perayaan ini bersama-sama...” (Informan 6, Temu Bual, 28 October 2025). Hal ini dapat dilihat bahawa permulaan hari

awal, penyediaan dan perkongsian makanan bersama keluarga menjadi tradisi yang penting diamalkan oleh masyarakat India semasa sambutan Chithirai Puthandu sebagai satu tanda kegembiraan dan kemeriahan perayaan.

Tambahan pula, hidangan khas seperti mango pachadi atau makanan berasaskan konsep enam rasa (Aaru Suvai) merupakan sebahagian daripada ritual tradisi semasa sambutan Chithirai Puthandu dengan skor purata sebanyak 4.26 (SD 0.69) yang berada dalam kategori sangat setuju. Skor purata yang tinggi ini menunjukkan bahawa majoriti responden mengiktiraf kepentingan penyediaan makanan khas sebagai elemen penting dalam sambutan perayaan tersebut. Dapatan ini disokong melalui kenyataan Informan 3 yang menjelaskan *bahawa "...mango pachadi. Ia mempunyai enam rasa. Enam rasa simbolik kehidupan kita. Ia hanya terdapat semasa perayaan Chithirai Puthandu sahaja.."* (Informan 3, Temu Bual, 9 September 2025). Keenam-enam rasa tersebut iaitu manis, masam, masin, pedas, pahit dan rempah melambangkan realiti kehidupan yang merangkumi unsur baik dan buruk, senang dan susah. Simbolisme ini mencerminkan falsafah kehidupan masyarakat Tamil yang menekankan penerimaan terhadap turun naik perjalanan hidup dengan penuh ketabahan. Oleh itu, penyediaan mango pachadi dalam sambutan Chithirai Puthandu bukan sekadar amalan tradisi perayaan, malah berfungsi sebagai peringatan kepada masyarakat tentang makna sebenar kehidupan serta persediaan mental dan emosi dalam menghadapi tahun yang akan datang.

Seterusnya, responden sangat setuju bahawa penyediaan dulang berisi cermin, emas, duit, buah-buahan dan sayuran sebagai simbol permulaan tahun baharu diamalkan semasa Chithirai Puthandu dengan skor purata 4.24 (SD 0.72). Informan 3 menyatakan bahawa,

Malam sebelum perayaan biasanya kami sediakan buah-buahan, sayur-sayuran, cermin dan lain-lain dalam satu dulang. Dalam dulang tu kami akan letakkan barang emas ataupun kalau

tak ada emas boleh letak duit. Selalunya RM5 atau lebih. Perkara ni dibuat sebab dipercayai pada pagi perayaan tu bila kita bangun dan buka mata pandangan pertama kita adalah ke arah dulang yang berisi buah, sayur, emas, dan duit tersebut sebagai tanda perkara baik akan berlaku dan membawa kekayaan serta kemakmuran sepanjang tahun tu.

Hal ini menggambarkan bahawa amalan penyediaan dulang membawa maksud menjadikan pagi tahun baru sebagai semangat yang positif dan penuh keberkatan bagi menghadapi hari-hari akan datang sepanjang tahun tersebut.

Akhir sekali, kunjungan ke rumah saudara-mara diamalkan sebagai tradisi yang mengekalkan hubungan kekeluargaan semasa sambutan Chithirai Puthandu menunjukkan bahawa responden bersetuju dengan pernyataan tersebut dengan skor purata 3.93 (SD 0.93). Menurut Informan 5, “...masa saya kecil, semasa Chithirai Puthandu kita akan pergi ke rumah saudara ataupun saudara-mara datang ke rumah kita untuk sambut bersama. (Informan 5, Temu Bual, 20 September 2025).

Dapatan daripada temu bual menegaskan bahawa amalan kunjung-mengunjung semasa Chithirai Puthandu masih wujud, namun semakin kurang dipraktikkan dalam kalangan masyarakat. Informan 5 menjelaskan bahawa kekurangan amalan ini berpunca daripada perubahan gaya hidup akibat kemajuan teknologi dan ekonomi. Menurut Informan 5, “...kini, kemajuan teknologi dan ekonomi menyebabkan perubahan dalam amalan budaya dan juga masa. Sekarang ni, semasa perayaan ramai yang sambut bersama keluarga sendiri je dan terus buat kerja harian macam biasa” (Informan 5, Temu Bual, 20 September 2025). Penjelasan ini menunjukkan bahawa kemajuan ekonomi, teknologi dan kurang masa menyebabkan responden hanya menunjukkan tahap setuju bagi pernyataan ini walaupun ia adalah dianggap amalan tradisi sambutan Chithirai Puthandu.

4.5 Menilai Amalan Keagamaan dan Aktiviti Budaya dalam sambutan Chithirai

Puthandu

Bahagian ini membincangkan tentang amalan keagamaan dan aktiviti budaya yang terdapat dalam sambutan Chithirai Puthandu. Pernyataan dalam bahagian dipecahkan kepada dua seperti berikut:

a.Amalan Keagamaan

Jadual 4.7: Amalan Keagamaan Dalam Sambutan Chithirai Puthandu

(Sumber: Kajian Lapangan, 2025)

NO	Amalan Keagamaan Dalam Sambutan Chithirai Puthandu	Purata (Mean)	Sisihan Piawai (SD)
1	Pada hari perayaan, amalan penyembahan makanan (contoh: nasi manis dan buah-buahan) kepada dewa/dewi.	4.39	0.66
2	Pelaksanaan “Aarathi” dan loceng sembahyang dibunyikan sebagai tanda penghormatan dalam upacara keagamaan Chithirai Puthandu.	4.38	0.73
3	Pemeliharaan amalan keagamaan pada hari Chithirai Puthandu dianggap penting untuk mengekalkan warisan agama dan budaya generasi akan datang.	4.38	0.72
4	Amalan keagamaan yang dijalankan semasa Chithirai Puthandu dipercayai memberi kesan positif kepada kesejahteraan rohani.	4.33	0.67
5	Amalan pemujaan khas di kuil dan di rumah bersama keluarga dianggap sebagai tradisi penting dalam sambutan Chithirai Puthandu.	4.26	0.65
6	Nyanyian Thevaram sebagai lagu pujian kepada dewa-dewi menjadi sebahagian daripada amalan keagamaan Chithirai Puthandu.	4.24	0.68
7	Bacaan “Panchangam” dilihat sebagai amalan penting yang memperkukuh nilai spiritual dan kepercayaan masyarakat India.	3.70	0.84

Jadual 4.7 menjelaskan amalan keagamaan dalam sambutan Chithirai Puthandu berdasarkan tujuh pernyataan dalam borang survei. Dapatan menunjukkan responden memberikan tahap persetujuan yang sangat tinggi bagi enam pernyataan, manakala satu pernyataan berada pada kategori “setuju”. Antara pernyataan yang mencatatkan skor purata tertinggi ialah amalan penyembahan makanan seperti nasi manis dan buah-buahan kepada dewa/dewi pada hari perayaan dengan skor purata 4.39 (SD = 0.66). Selain itu, responden juga menunjukkan tahap sangat setuju terhadap pernyataan pelaksanaan upacara aarathi serta bunyian loceng sembahyang sebagai tanda penghormatan dalam amalan keagamaan Chithirai Puthandu dengan skor purata 4.38 (SD = 0.73). Dapatan ini selari dengan pernyataan Informan 1 yang menjelaskan bahawa, “...biasanya kami akan sediakan makanan sebagai persembahan kepada Tuhan, bunyikan loceng dan buat aarathi (pusing api depan patung Tuhan masa buat sembahyang)...” (Informan 1, Temu Bual, 12 September 2025). Kenyataan ini menjelaskan bahawa amalan seperti melakukan aarathi, membunyikan loceng dan mempersembahkan makanan kepada dewa-dewi dilakukan kerana masyarakat India percaya ianya membantu memulakan tahun baru dengan keadaan yang suci dan diberkati.

Seterusnya, responden juga sangat setuju bagi pernyataan pemeliharaan amalan keagamaan pada hari Chithirai Puthandu dianggap penting untuk mengekalkan warisan agama dan budaya generasi akan datang dengan purata 4.38 (SD 0.72) dan amalan keagamaan yang dijalankan semasa Chithirai Puthandu dipercayai memberi kesan positif kepada kesejahteraan rohani dengan purata 4.33 (SD 0.67). Dapatan ini menunjukkan bahawa masyarakat India melihat ritual keagamaan sebagai amalan yang membawa makna spiritual dan perlu

diteruskan untuk memastikan identiti budaya tidak hilang. Hal ini selari dengan komuniti Chetti di Melaka yang masih mengekalkan tradisi amalan keagamaan sebagai usaha meneruskan warisan budaya mereka. Komuniti Chetti Melaka masih mengamalkan tradisi lama seperti menghias rumah dengan daun mangga dan kolam, menyediakan makanan vegetarian, melakukan sembahyang dan berkunjung ke kuil semasa sambutan Chithirai Puthandu (Muniandy, 2024). Dapatan ini juga membuktikan Chithirai puthandu sebagai warisan budaya masyarakat India yang perlu dipelihara.

Selain itu, dengan skor purata sebanyak 4.26 (SD 0.65) responden menunjukkan sangat setuju dengan amalan pemujaan khas di kuil dan di rumah bersama keluarga kerana ia dianggap sebagai tradisi penting dalam sambutan Chithirai Puthandu. Ia menunjukkan cara masyarakat memberi kepentingan untuk menyambut Chithirai puthandu sebagai hari yang istimewa. Responden juga sangat setuju dengan nyanyian Thevaram sebagai lagu pujian kepada dewa-dewi menjadi sebahagian daripada amalan keagamaan Chithirai Puthandu dengan purata 4.24 (SD 0.68). Kedua-dua pernyataan ini disokong oleh Informan 3 yang menyatakan, *"Kalau di kuil adalah menjadi kebiasaan kami untuk mengadakan sembahyang khas... semasa sembahyang, kami akan nyanyi lagu devara "* (Informan 3, Temu Bual, 9 September 2025). Justeru, aspek spiritual seperti pemujaan khas dan lagu pemujaan tetap menjadi tunjang utama dalam sambutan Chithirai Puthandu dan perlu diwariskan kepada generasi muda di kalangan masyarakat India.

Akhir sekali, responden bersetuju bahawa bacaan "Panchangam" sebagai amalan penting yang memperkukuh nilai spiritual dan kepercayaan masyarakat

India dengan skor purata 3.70 (SD 0.84). Panchangam adalah sebuah kalendar dan almanak tradisional Hindu. Petrocchi (2017) menjelaskan bahawa panchangam berfungsi sebagai panduan utama dalam menentukan tarikh perayaan, memilih masa yang dianggap baik dan menentukan pelaksanaan upacara keagamaan dan ritual harian masyarakat India. Dalam panchangam juga terdapat penjelasan mengenai hari suci, amalan puasa, doa dan tokoh keagamaan. Kenyataan ini turut disokong oleh Informan 6 yang menjelaskan, *“Setiap tahun Chithirai Puthandu, pendeta akan membaca panchangam. Hal ini dikatakan sebab kita ada rasi (zodiak dan konstelasi bintang dalam zodiak), jadi pendeta akan beritahu untuk setiap zodiak tentang kebaikan dan keburukan bagi tahun baru”* (Informan 6, Temu Bual, 28 October 2025).

Panchangam merupakan panduan untuk memahami ramalan tahun baru serta membantu masyarakat menilai hal-hal baik dan kurang baik yang bakal dihadapi. Dapatan juga membuktikan masyarakat India masih mengamalkan penggunaan panchangam sebagai satu warisan budaya semasa Chithirai Puthandu.

b. Amalan Budaya

Jadual 4.8: Amalan Budaya Dalam Sambutan Chithirai Puthandu

(Sumber: Kajian Lapangan, 2025)

No	Amalan Keagamaan Dalam Sambutan Chithirai Puthandu	Purata (Mean)	Sisihan Piawai (SD)
1	Aktiviti membuat kalungan bunga dilaksanakan sebagai hiasan tradisional dalam sambutan Chithirai Puthandu.	4.30	0.70
2	Pertandingan mengait "thoranam" (hiasan daun mangga atau kelapa) menjadi salah satu aktiviti budaya semasa Chithirai Puthandu.	4.20	0.73
3	Aktiviti membuat kolam dijalankan sebagai sebahagian daripada sambutan Chithirai Puthandu.	4.18	0.70
4	Persembahan tarian Bharatanatyam diadakan di kuil atau dalam komuniti sempena Chithirai Puthandu.	3.37	0.80
5	Permainan tradisional seperti kabadi turut menjadi sebahagian daripada sambutan Chithirai Puthandu.	3.10	0.80
6	Permainan tradisional seperti "uriyadithal" (memukul periuk tanah liat yang digantung) dijalankan sebagai aktiviti perayaan Chithirai Puthandu.	3.08	0.81

Jadual 4.8 membincangkan tentang amalan budaya sambutan perayaan Chithirai Puthandu. Terdapat beberapa amalan budaya dalam sambutan Chithirai Puthandu. Sebanyak 6 pernyataan dikemukakan dalam borang survei kajian dan hasil dapatan menunjukkan bahawa terdapat dua pernyataan yang menerima tahap persetujuan “sangat setuju” manakala dua lagi pernyataan adalah tahap “setuju”. Aktiviti membuat kalungan bunga sebagai hiasan tradisional semasa Chithirai Puthandu mencatatkan skor purata tertinggi iaitu 4.30 (SD 0.70) diikuti oleh pertandingan mengait *thoranam* dengan skor purata 4.20 (SD 0.73). Seterusnya,

responden “setuju” bagi pernyataan bahawa aktiviti membuat kolam dijalankan semasa perayaan ini dengan skor purata 4.18 (SD 0.70) manakala persembahan tarian Bharatanatyam pula mencatatkan skor purata 3.37 (SD 0.80). Dalam memelihara warisan budaya Chithirai Puthandu, masyarakat India masih melaksanakan aktiviti tradisional ini sebagai sebahagian daripada ritual perayaan. Informan 2 menggambarkan pengalamannya dengan berkata,

...aktiviti budaya kebanyakan diadakan di kuil. Contoh tarian bharatanatyam, persembahan muzik tradisional dan sebagainya... di sekolah-sekolah ada aktiviti budaya yang masih amalkan. Saya mengetahui tentang program-program seperti ini kerana ia sering dianjurkan di sekolah tempat isteri saya bertugas... Aktiviti budaya seperti pertandingan membuat kolam, mengikat bunga, memasang thoranam (hiasan daun kelapa/mangga) dan aktiviti melukis. Aktiviti-aktiviti kecil diadakan (Infroman 2, Temu Bual, 13 Ogos 2025).

Hal ini menunjukkan bahawa perayaan seperti Chithirai Puthandu adalah masa yang sesuai dalam menjalankan aktiviti tradisional dan dalam masa yang sama membantu masyarakat menjaga warisan budaya. Generasi muda turut didedahkan kepada warisan dan budaya melalui aktiviti-aktiviti ini agar tidak ditelan zaman.

Selain itu, responden turut memilih neutral dengan pernyataan Permainan tradisional seperti “kabadi” menjadi sebahagian daripada sambutan Chithirai Puthandu dan permainan tradisional seperti "uriyadithal" (memukul periuk tanah liat yang digantung) dijalankan sebagai aktiviti perayaan Chithirai Puthandu dengan skor purata masing-masing 3.10 (SD 0.81) dan 3.08 (SD 0.80). Hal ini

menunjukkan bahawa aktiviti tersebut tidak diamalkan secara meluas oleh semua responden sebaliknya hanya dilaksanakan di lokasi tertentu sahaja. Informan 1 menerangkan seperti: “...sebagai contohnya, permainan tradisional kaum India seperti kabadi, uriyadithal (memecahkan periuk yang berisi susu, dadih, atau hadiah) dan sebagainya diadakan oleh persatuan-persatuan India yang terdapat di tempat tertentu..” (Informan 1, Temu Bual, 12 September 2025). Dapatan ini menggambarkan bahawa amalan permainan tradisional masih wujud dalam sambutan Chithirai Puthandu namun pelaksanaannya mengikut sebahagian tempat dan tidak menyeluruh.

4.6 Pemuliharaan dan Pengekalan Warisan Chithirai Puthandu

Jadual 4.9: Pemuliharaan dan Pengekalan Warisan Chithirai Puthandu

(Sumber: Kajian Lapangan, 2025)

No	Amalan Keagamaan Dalam Sambutan Chithirai Puthandu	Purata (Mean)	Sisihan Piawai (SD)
1	Penyertaan dalam aktiviti tradisional semasa Chithirai Puthandu berfungsi sebagai medium pewarisan nilai budaya kepada generasi baharu	4.53	0.71
2	Makanan khas tradisional mango pachadi memainkan peranan dalam mengekalkan simbol dan nilai budaya perayaan Chithirai Puthandu.	4.49	0.70
3	Aktiviti keagamaan semasa Chithirai Puthandu berperanan penting dalam memupuk kefahaman dan penghayatan masyarakat terhadap nilai perayaan ini.	4.43	0.67
4	Program khas sambutan Chithirai Puthandu di sekolah Tamil menjadi salah satu platform yang menyokong pelestarian budaya	4.41	0.71

5	Pakaian tradisional seperti saree dan dhoti yang dipakai pada Chithirai Puthandu membantu mengekalkan identiti budaya India.	4.40	0.66
---	--	------	------

Jadual 4.9 menunjukkan bahawa pemuliharaan dan pengekaln warisan budaya merupakan satu keperluan penting dalam mengekalkan kelangsungan amalan tradisional dalam sesebuah komuniti. Oleh itu, dalam bahagian pemeliharaan dan pengekaln warisan Chithirai Puthandu, sebanyak lima pernyataan dikemukakan. Responden menunjukkan tahap persetujuan yang sangat tinggi terhadap penyertaan dalam aktiviti tradisional semasa Chithirai Puthandu berfungsi sebagai medium pewarisan nilai budaya kepada generasi baharu dengan skor purata 4.53 (SD 0.71). Perkara ini disokong melalui kenyataan Informan 2 yang mengatakan, *Bila aktiviti-aktiviti ini diadakan, anak-anak akan mula bertanya kepada ibu bapa kenapa kita tidak membuat sambutan seperti itu. Jadi, di situ ibu bapa mula melibatkan diri dan mula menyambut bersama mereka. Hal ini dijadikan sebagai salah satu contoh bagaimana nilai budaya masyarakat India dapat diwarisi* (Infroman 2, Temu Bual, 13 Ogos 2025).

Dapatan ini selari dengan kajian Radzuan et al. (2024) yang menegaskan bahawa penglibatan aktif komuniti dalam amalan budaya berperanan sebagai mekanisme utama dalam pemindahan pengetahuan antara generasi serta menjamin kelangsungan warisan tidak ketara melalui pendekatan berasaskan komuniti. Hal ini membuktikan penglibatan dalam aktiviti tradisional semasa Chithirai Puthandu berperanan sebagai mekanisme sosial yang berkesan dalam memindahkan pengetahuan, nilai dan identiti budaya kepada generasi akan datang.

Seterusnya, responden juga sangat setuju bahawa makanan khas tradisional seperti mango pachadi memainkan peranan dalam mengekalkan simbol dan nilai budaya

perayaan Chithirai Puthandu dengan sebanyak skor purata 4.49 (SD 0.70). Aishwarya (2023) membuktikan bahawa mango pachadi merupakan hidangan tradisional yang dihasilkan daripada mangga mentah melambangkan pelbagai rasa kehidupan seperti manis, masam dan pahit. Kombinasi rasa ini menggambarkan falsafah kehidupan masyarakat India yang menekankan penerimaan setiap pengalaman hidup sebagai sebahagian daripada permulaan tahun baharu.

Selain itu, pernyataan aktiviti keagamaan semasa Chithirai Puthandu berperanan penting dalam memupuk kefahaman dan penghayatan masyarakat terhadap nilai perayaan ini dengan skor purata 4.43 (SD 0.67). Sebagaimana diujahkan oleh Muniandy (2024) bahawa aktiviti keagamaan semasa Chithirai Puthandu seperti kunjungan ke kuil merupakan aspek penting dalam sambutan perayaan dan turut memperkukuh hubungan komuniti.

Di samping itu, responden sangat bersetuju bahawa program khas sambutan Chithirai Puthandu di sekolah Tamil menjadi salah satu platform yang menyokong pelestarian budaya dengan skor purata 4.41 (SD 0.71). Ini menunjukkan penganjuran program menjadi langkah yang efektif bagi menarik minat generasi muda sambil memberi pendedahan dalam memelihara tradisi sambutan Chithirai Puthandu. Pendapat Informan 4 menunjukkan program khas adalah: *“sangat penting sebab ia memainkan peranan dalam melestarikan budaya kita. Budaya ini dapat diteruskan generasi ke generasi. Semua ini adalah identiti masyarakat India.”* (Informan 4, Temu bual, 11 September 2025).

Akhir sekali, penggunaan pakaian tradisional seperti saree dan dhoti yang dipakai semasa sambutan Chithirai Puthandu membantu mengekalkan identiti budaya masyarakat

India dengan purata 4.40 (SD 0.66). Pernyataan ini disokong oleh Informan 1 seperti yang dijelaskan,

Di Malaysia ni kan ada pelbagai kaum dan budaya. Jadi, bila masyarakat kaum lain tengok kita dari “pandangan pertama” tu mereka dah boleh kenal “ohh yang ni orang India.” Selain tu, bila kita pakai saree mereka akan tengok dan rasa ingin tahu “macam mana dia orang pakai ni?”, “cara pakai macam mana?” dan sebagainya. Jadi mereka dapat rasa ingin tahu dan nak belajar tentang budaya kita. Dekat situ la sebenarnya boleh nampak nilai budaya dan keagamaan masyarakat India. Mereka pun akan cakap, “ohh semasa perayaan macam ni pun mereka tak lupa, masih kekal amalkan tradisi (Informan 1, Temu Bual, 12 September 2025).


Kenyataan ini menunjukkan pakaian tradisional masyarakat India seperti saree dan dhoti dapat membantu mengekalkan tradisi nenek moyang terutama dalam sambutan perayaan dan seterusnya mendidik masyarakat lain berkenaan budaya yang pelbagai di Malaysia. Pakaian tradisional semasa perayaan juga membantu mewujudkan suasana meriah dan menunjukkan kebanggaan komuniti terhadap identiti etnik sendiri serta amalan budaya diwarisi secara berterusan (Muniandy, 2024).

4.7 Persediaan Sambutan Perayaan Chithirai Puthandu

a) Amalan Persediaan

Dalam perayaan Chithirai Puthandu terdapat pelbagai persediaan. Persediaan tersebut melibatkan amalan tradisi yang menekankan aspek kebersihan, kesucian dan simbolik permulaan baharu. Persediaan tersebut bermula dari pengemasan rumah, perhiasan awal, penyediaan bahan masakan, persediaan spiritual dan sebagainya.

Menurut informan 1 dan 3 persediaan-persediaan Chithirai Puthandu bermula pada sehari sebelum sambutan bagi memastikan segala keperluan perayaan dapat diselesaikan dengan teratur. Amalan persediaan ini menunjukkan kepatuhan tradisi masyarakat secara turun-temurun dan masih dikekalkan. Informan 1 menekankan bahawa fokus utama persediaan adalah pada ruang ibadah di dalam rumah. Beliau menyatakan: “...sebelum perayaan Chithirai Puthandu di rumah kami akan bersihkan tempat ibadah, contohnya lap patung tuhan, kalau ada gambar atau frame tuhan pun kami akan lap juga, lepas tu letak pottu dan malai (kalungan bunga)...” (Informan 1, Temu Bual, 12 September 2025).



Rajah 4.2 : Persedian Tempat Ibadah

(Sumber: Kajian Lapangan, 2025)

Rajah 4.2 memaparkan amalan pembersihan dan perhiasan ruang ibadah yang dijalankan sebagai sebahagian daripada persediaan spiritual sebelum sambutan Chithirai Puthandu.

Selain persediaan yang ditunjukkan dalam Rajah 4.2, dapatan temu bual turut mendapati bahawa persediaan Chithirai Puthandu melibatkan penyediaan barangan sembahyang yang akan digunakan pada hari sambutan. Informan 1 menyatakan bahawa, *“...lepas tu, kami akan sediakan barangan untuk sembahyang pada hari sambutan termasuk dulang yang berisi dengan sayur-sayuran, cermin, buah-buahan dan sebagainya...”* (Informan 1, Temu Bual, 12 September 2025).



Rajah 4.3: Dulang

(Sumber : Kajian Lapangan, 2025)

Rajah 4.3 yang menunjukkan dulang sembahyang disusun sebelum sambutan Chithirai Puthandu. Dulang menjadi simbol permulaan tahun baharu dan biasanya mengandungi bahan-bahan yang melambangkan kesucian, kesihatan

serta rezeki. Amalan ini turut disokong oleh Informan 3 yang menjelaskan bahawa persediaan sebelum perayaan bukan sahaja melibatkan penyediaan dulang, malah merangkumi pembersihan rumah secara menyeluruh serta hiasan menggunakan daun suci. Beliau menjelaskan:

Malam sebelum perayaan biasanya kami sediakan buah-buahan, sayur-sayuran, cermin dan lain-lain dalam satu dulang. Dalam dulang tu kami akan letakkan barang emas ataupun kalau tak ada emas boleh letak duit... supaya pada pagi perayaan tu bila kita bangun dan buka mata pandangan pertama kita adalah ke arah dulang... sebagai tanda perkara baik akan berlaku dan membawa kekayaan serta kemakmuran sepanjang tahun tu (Informan 3, Temu Bual, 9 September 2025).

Penjelasan Informan 3 menggambarkan persediaan dulang khas mengandungi makna simbolik yang mendalam berkaitan sambutan Chithirai Puthandu. Hal ini demikian, kedua-dua Informan 1 dan 3 menegaskan bahawa persediaan Chithirai Puthandu menekankan penyucian rohani dan simbolik seperti membersihkan rumah dan ruang ibadah sebagai tanda kesediaan menerima keberkatan. Dulang yang disediakan pula mengandungi buah-buahan, sayur-sayuran, cermin, serta barang emas atau wang. Setiap item melambangkan harapan baharu seperti kemakmuran dan kesihatan. Segala yang dinyatakan menunjukkan ritual masyarakat India semasa sambutan Chithirai Puthandu yang dipelihara secara turun temurun.

b) Makanan Tradisional Dalam Sambutan Chithirai Puthandu

Makanan tradisional merupakan salah satu komponen penting dalam sambutan Chithirai Puthandu. Makanan berfungsi sebagai hidangan khas perayaan yang mencerminkan falsafah, kepercayaan dan nilai keseimbangan yang diamalkan oleh masyarakat India semasa menyambut tahun baharu. Informan menjelaskan bahawa makanan yang disediakan adalah sepenuhnya vegetarian dan disediakan pada awal pagi sebelum pelaksanaan upacara keagamaan seperti sembahyang pagi, pergi ke kuil dan sebagainya. Seperti dinyatakan Informan 3: “...masa perayaan Chithirai ni kami sediakan makanan yang sepenuhnya vegetarian, sarapan pagi pun sama thosai, kari dhal...” (Informan 3, Temu Bual, 9 September 2025).

Penyediaan makanan vegetarian dianggap lebih berkhasiat dan sesuai dengan sambutan Chithirai Puthandu. Makanan ini dihidangkan di atas daun pisang. Hal ini selari dengan kenyataan Informan 3: “..pelbagai jenis makanan seperti chutney mangga, jeruk limau, appalam. Makanan ni dihidangkan atas daun pisang, beri rasa kegembiraan istimewa...” (Informan 3, Temu Bual, 9 September 2025).

Tradisi menghidangkan makanan di atas daun pisang bukan sahaja mencerminkan amalan budaya masyarakat India malah mempunyai nilai simbolik dan kesihatan. Menurut Kora (2019) daun pisang kaya dengan polifenol dan antioksidan yang boleh membantu pencernaan serta memberikan aroma semula jadi apabila makanan panas dihidangkan. Selain itu, penggunaan daun pisang dianggap suci dan melambangkan keberkatan dan menjadikan hidangan tersebut lebih istimewa dalam konteks sambutan Chithirai Puthandu

Seterusnya, amalan penyediaan makanan semasa Chithirai Puthandu juga mengandungi makna simbolik yang tersendiri. Sebagai contohnya makanan

India Selatan dipengaruhi oleh faktor iklim serta kepercayaan tradisional yang menekankan kesesuaian diet berasaskan tumbuhan dalam persekitaran panas dan lembap. Hal ini turut disokong oleh kenyataan Informan 2 yang menyatakan bahawa: *“...dalam bulan Chithirai kita perlu menjadi vegetarian kerana ia dianggap sebagai bulan panas..”* (Informan 2, Temu Bual, 13 Ogos 2025). Pengambilan daging dipercayai meningkatkan haba badan dan boleh mendorong kepada masalah kesihatan. Dalam kepercayaan tradisional masyarakat India yang dipengaruhi oleh sistem Ayurveda dan falsafah Hindu, daging dikategorikan sebagai makanan Rajasic yang bersifat panas dan merangsang, serta dikaitkan dengan penderitaan tubuh dan penyakit (Parthasarathi et al, 2022). Oleh sebab itu, masyarakat India mengelakkan makanan bukan vegetarian semasa perayaan Chithirai Puthandu sebagai usaha mengekalkan keseimbangan tubuh dan kesihatan ketika menyambut permulaan tahun baharu.

Tambahan pula, masyarakat India juga mengamalkan makanan vegetarian semasa Chithirai Puthandu kerana mereka mempercayai amalan itu dapat mengelakkan mereka daripada menyakiti makhluk hidup. Menurut Informan 4, *“..kebiasaannya kita akan sediakan makanan yang sepenuhnya vegetarian... tujuan tak sakiti mana-mana makhluk..”* (Informan 4, Temu bual, 11 September 2025). Kenyataan ini sejajar dengan kajian Subramaniam (2024) yang menunjukkan bahawa penganut vegetarian dalam diaspora India mengamalkan prinsip ahimsa iaitu pendekatan tidak mencederakan makhluk hidup sebagai asas pemilihan diet mereka dengan tujuan menghormati semua makhluk dan mengekalkan keseimbangan spiritual.

Keseluruhannya, penyediaan makanan tradisional dalam sambutan Chithirai Puthandu bukan sekadar memenuhi keperluan makan malah menjadi

ritual budaya yang membawa maksud simbolik, keseimbangan hidup dan nilai kerohanian masyarakat India.

c) Perhiasan Dalam Sambutan Chithirai Puthandu

Dalam sambutan Chithirai Puthandu, hiasan rumah memainkan peranan yang penting sebagai persediaan menyambut tahun baharu. Perhiasan ini biasanya disediakan lebih awal sebelum hari perayaan. Menurut Informan 3, “...*pada hari pertama bersihkan rumah, ikat daun mangga, daun kelapa...*” (Informan 3, Temu Bual, 9 September 2025). Ini menunjukkan bahagian rumah seperti pintu depan dan ruang hadapan rumah dihiasi dengan daun mangga dan daun kelapa sebagai simbol kesucian dan kesejahteraan.

Kenyataan ini selari dengan kajian Krishnan (2025) yang menjelaskan bahawa semasa perayaan Chithirai Puthandu masyarakat India menghiasi rumah mereka dengan daun mangga dan membuat hiasan kolam dengan menggunakan tepung beras.



Rajah 4.5 : Perhiasan Kolam Sambutan Chithirai Puthnadu

(Sumber : Kajian Lapangan, 2025)

Rajah 4.3 menunjukkan perhiasan kolam yang dihasilkan semasa sambutan Chithirai Puthandu, yang merupakan salah satu elemen perhiasan penting dalam persiapan perayaan tersebut. Selain kolam, penyalan pelita turut menjadi amalan yang lazim dilakukan bagi menghias rumah dan mewujudkan suasana perayaan. Menurut Informan 4, “...kolam menggunakan beras atau tepung beras dan menyalakan pelita..” (Informan 4, Temu Bual, 11 September 2025). Hal ini menunjukkan bahawa kolam dan pelita berfungsi sebagai elemen estetika yang memperindahkan ruang kediaman semasa sambutan Chithirai Puthandu.

Di samping itu, perhiasan yang dihasilkan semasa sambutan Chithirai Puthandu bukan sekadar berfungsi sebagai elemen estetika, malah mengandungi makna simbolik yang berkait rapat dengan kepercayaan masyarakat India.

Menurut Informan 4, perhiasan kolam dibuat menggunakan beras atau tepung beras kerana ia merupakan *“cara kita bagi makanan kepada makhluk kecil”* (Informan 4, Temu Bual, 11 September 2025). Kenyataan ini selari dengan kajian Gosai (2018) yang menjelaskan bahawa kolam tradisional dilukis menggunakan tepung beras supaya semut, burung dan makhluk kecil lain dapat menikmati makanan daripada corak kolam tersebut. Amalan ini mencerminkan kepercayaan masyarakat India yang menekankan nilai belas ihsan dan keharmonian antara manusia dan makhluk hidup lain.

Perhiasan menggunakan daun mangga pula dikaitkan dengan perlindungan dalam kepercayaan masyarakat India. Menurut Informan 3, *“...dipercayai daun mangga boleh melindungi daripada angin yang tidak sihat...”* (Informan 3, Temu Bual, 9 September 2025). Kepercayaan ini selari dengan kajian Swaminathan et al. (2023) yang menyatakan bahawa fitokompaun dalam daun mangga berupaya melindungi daripada bakteria berbahaya yang mungkin dibawa oleh individu semasa upacara dan perhimpunan ritual. Oleh itu, penggunaan daun mangga dalam perhiasan mencerminkan bagaimana masyarakat India menggabungkan kepercayaan spiritual dan nilai perlindungan dalam amalan tradisi mereka.

Selain itu, penggunaan pelita semasa sambutan Chithirai Puthandu membawa makna pencerahan dan permulaan baharu seperti yang dijelaskan oleh Informan 4: *“... lampu/pelita akan membawa keceriaan dalam kehidupan..”* (Informan 4, Temu Bual, 11 September 2025). Ini menunjukkan bahawa masyarakat India menggunakan cahaya sebagai simbol harapan, keberuntungan dan semangat positif untuk menghadapi tahun baru.

d) Pemakaian Tradisional Dalam Sambutan Chithirai Puthandu

Pakaian merupakan elemen penting semasa perayaan. Dalam kalangan masyarakat India, pakaian tradisional menjadi lambang kesopanan, kehormatan dan nilai budaya yang masih dikekalkan sehingga kini. Pemakaian pakaian tradisional semasa sambutan Chithirai Puthandu merupakan tradisi turun-temurun yang menekankan kesopanan serta kepatuhan terhadap norma budaya dan keagamaan di samping melambangkan permulaan tahun baharu, kesucian dan penghormatan terhadap adat masyarakat India. Menurut Informan 2, masyarakat India masih mengekalkan pemakaian pakaian tradisional semasa sambutan Chithirai Puthandu. Beliau menjelaskan bahawa, “*..sudah tentu kita pakai pakaian tradisional seperti veshti, jippa, saree dan pavadai thavani. Ia memang budaya kita untuk pakai pakaian tradisional yang sopan dan sesuai semasa perayaan..*” (Informan 2, Temu Bual, 13 Ogos 2025). Kenyataan ini menunjukkan bahawa pemakaian pakaian tradisional semasa perayaan mencerminkan penghormatan terhadap tradisi pakaian serta nilai budaya yang masih diamalkan oleh masyarakat India.

Pandangan ini selari dengan penjelasan Informan 3 yang menyatakan bahawa pemilihan pakaian tradisional bukan sahaja berdasarkan minat tetapi berpaksikan norma budaya yang telah ditetapkan dalam masyarakat. Beliau berkata, “*...selain budaya, memakai pakaian tradisional sudah menjadi satu perintah dan norma di kuil. Mereka tahu kalau pergi kuil tak boleh pakai pakaian ketat atau jeans..*” (Informan 3, Temu Bual, 9 September 2025). Hal ini membuktikan bahawa masyarakat sudah memahami batas kesopanan yang perlu dipatuhi terutama di kawasan suci seperti kuil. Ia juga membantu dalam

pemeliharaan warisan budaya pakaian tradisional masyarakat India yang diwarisi secara turun-temurun.

Secara keseluruhannya, pemilihan pakaian seperti saree, dhoti, kurta dan pakaian tradisional lain semasa sambutan Chithirai Puthandu bukan sahaja menyerlahkan simbolik perayaan malah mencerminkan kesinambungan warisan budaya masyarakat India yang terus dihormati dan diamalkan. Hal ini selari dengan pandangan Kaur dan Tiwari (2025) yang menyatakan bahawa, pakaian tradisional India berfungsi sebagai medium ekspresi identiti budaya, nilai ritual dan tradisi yang diwarisi secara turun-temurun. Oleh itu, pemakaian tradisional semasa Chithirai Puthandu jelas memainkan peranan penting dalam mengekalkan identiti serta nilai budaya masyarakat India.

e) Peranan Ahli Keluarga Dalam Sambutan Chithirai Puthandu

Persediaan perayaan memerlukan kerjasama antara ahli keluarga. Dalam sambutan Chithirai Puthandu, peranan ahli keluarga adalah sangat penting bagi memeriahkan dan memastikanambutannya berjalan lancar. Menurut Informan 2, setiap ahli keluarga mempunyai tanggungjawab masing-masing dalam persediaan seperti membersihkan rumah, menghias dan penyediaan keperluan perayaan. Beliau menjelaskan: *“di rumah semua perlu bermain peranan... Saya dan isteri akan kongsi bahagian kebersihan serta perhiasan rumah”* (Informan 2, Temu Bual, 13 Ogos 2025). Pernyataan ini menjelaskan pembahagian tugas beliau bersama isteri dalam persediaan dapat memudahkan urusan dan menunjukkan bahawa nilai kekeluargaan menjadi asas penting dalam menjayakan sambutan Chithirai Puthandu.

Selain itu, peranan wanita turut ditekankan dalam persediaan sambutan Chithirai Puthandu, di mana golongan wanita seperti nenek dan ibu lazimnya memegang tanggungjawab utama dalam urusan persediaan. Informan 5 menyatakan bahawa, “..kebiasaannya wanita seperti nenek dan ibu yang paling banyak memikul tanggungjawab mengemas rumah, sediakan makanan dan sediakan barang sembahyang...” (Informan 5, Temu Bual, 20 September 2025). Sementara itu, peranan lelaki lebih tertumpu kepada tugas yang memerlukan tenaga fizikal seperti pembelian barangan keperluan dan kerja-kerja menghias rumah. Hal ini dijelaskan oleh Informan 5 yang menyatakan bahawa, “..hiasan rumah dan pembelian barang pula biasanya para lelaki yang buat..” (Informan 5, Temu Bual, 20 September 2025). Di samping pembahagian peranan berdasarkan jantina, orang tua juga memainkan peranan penting dalam memastikan kelangsungan tradisi perayaan. Informan 5 menegaskan bahawa segala persediaan dan pelaksanaan sambutan banyak bergantung kepada nasihat serta panduan orang tua. Menurut beliau, “..perkara penting biasanya berjalan atas nasihat orang-orang tua seperti nenek atau datuk..” (Informan 5, Temu Bual, 20 September 2025).

Secara keseluruhannya, wanita berperanan sebagai pelaksana utama persediaan, lelaki bertindak sebagai penyokong dalam tugas fizikal manakala orang tua menjadi sumber rujukan dan bimbingan dalam memastikan amalan persediaan sambutan Chithirai Puthandu dilaksanakan mengikut tradisi serta diwarisi secara berterusan oleh generasi seterusnya. Pandangan ini selari dengan kajian oleh Sankar (2015) yang menunjukkan bahawa wanita dalam komuniti Tamil di Malaysia dikenali sebagai “keepers of tradition and customs” dan

memainkan peranan utama dalam meneruskan amalan budaya dan ritual yang penting kepada identiti komuniti.

4.8 Kepentingan Chithirai Puthandu

Sambutan Chithirai Puthandu penting kepada masyarakat India kerana ia berfungsi sebagai titik permulaan baharu dalam kehidupan. Seperti dinyatakan oleh Informan 1: *Kehidupan manusia selalu mencari titik permulaan dalam segala hal. Chithirai Puthandu ini menjadi masa terbaik untuk masyarakat membuat azam tahun, mula makan makanan sihat, hidup bermoral dan sebagainya... Perayaan Chithirai Puthandu ini membantu kita untuk mula semula dengan semangat baru, buang perkara lama yang tak baik dan teruskan hidup dengan niat yang lebih baik untuk masa depan* (Informan 1, Temu Bual, 12 September 2025). Kenyataan ini menjelaskan bahawa perayaan Chithirai Puthandu membantu individu memperbaharui diri, memberi semangat untuk menghadapi kehidupan dengan lebih yakin, serta mendorong masyarakat membina kehidupan yang lebih seimbang dan berdisiplin pada tahun baru.

Selain itu, Chithirai Puthandu memainkan peranan besar dalam melestarikan budaya masyarakat India. Informan 1 menyatakan:

Bila aktiviti-aktiviti ini diadakan, anak-anak akan mula bertanya kepada ibu bapa kenapa kita tidak membuat sambutan seperti itu... di situ ibu bapa mula melibatkan diri... nilai budaya masyarakat India dapat diwarisi... Tetapi secara budaya saya menggalakkan orang ramai untuk berbuat demikian bagi melestarikan budaya kita (Informan 1, Temu Bual, 12 September 2025).

Dapatan ini menunjukkan bahawa perayaan menjadi medium pewarisan budaya melalui penglibatan keluarga, aktiviti tradisional, dan pengenalan kepada generasi muda.

Secara keseluruhannya, dapatan ini selari dengan teori Hall (2006) bahawa identiti budaya terbentuk melalui pengalaman bersama, simbol dan amalan yang dikongsi oleh komuniti. Hall menegaskan bahawa identiti bukan sesuatu yang tetap tetapi sentiasa dibentuk semula mengikut ruang sosial, pengalaman dan konteks masyarakat. Oleh itu, amalan seperti aktiviti perayaan, penglibatan keluarga, penyediaan makanan tradisional dan ritual keagamaan dalam Chithirai Puthandu menjadi proses yang mengukuhkan identiti budaya masyarakat India. Identiti ini bukan bersifat tunggal sebaliknya terbentuk melalui lapisan pengalaman berbeza seperti keluarga, komuniti dan sekolah. Justeru, sambutan Chithirai Puthandu berfungsi sebagai ruang sosial yang memastikan identiti budaya masyarakat India terus hidup, dipelajari dan diteruskan oleh generasi muda.

4.9 Cabaran Sambutan Chithirai Puthandu

Terdapat beberapa cabaran dalam sambutan Chithirai Puthandu dikenalpasti dalam kajian ini. Cabaran-cabaran ini memberi impak kepada kelangsungan tradisi serta cara perayaan dijalankan dalam masyarakat masa kini.

a) Cabaran Ekonomi

Dalam sambutan Chithirai Puthandu, cabaran ekonomi menjadi isu utama dalam kalangan masyarakat India. Kekangan kewangan menyebabkan sesetengah keluarga terpaksa membuat persiapan perayaan secara kecil-kecilan. Berdasarkan kenyataan Informan 4: *“..ada yang mengalami kekurangan pendapat, sambut secara kecil-kecilan, tidak mampu beli baju baru, beli kuih-muih manis. Mereka menyambut ikut kemampuan..”*(Informan 4, Tem Bual, 11 September 2025).

Kenyataan ini menunjukkan kos persiapan perayaan memberi tekanan kepada keluarga berpendapatan rendah. Mereka terhad dalam penyediaan pakaian baru, makanan tradisional, dan barang ritual, justeru hanya menyambut Chithirai Puthandu mengikut kemampuan mereka sahaja. Selain itu, Informan 1 menambah bahawa kenaikan harga barangan turut menjejaskan persiapan perayaan: “..*bila nak sambut perayaan benda pertama yang kita fikir ialah harga barang... beli apa yang mampu sahaja..*” (Informan 1, Temu Bual, 12 September 2025). Dapatan ini membuktikan bahawa beban ekonomi mempengaruhi kualiti sambutan dan memaksa keluarga menyesuaikan ritual mengikut kemampuan semasa. Walaupun begitu, masyarakat tetap meneruskan sambutan Chithirai Puthandu walaupun dalam keadaan kewangan terhad. Secara keseluruhannya, cabaran ekonomi memberi kesan ketara terhadap cara masyarakat India menyambut Chithirai Puthandu khususnya dalam aspek perbelanjaan dan penyediaan keperluan perayaan. Kekangan kewangan memaksa sesetengah keluarga menghadkan persiapan serta menyesuaikan amalan perayaan mengikut kemampuan masing-masing. Kenyataan ini selari dengan kajian Aruna dan Pariti (2020) yang menjelaskan bahawa keluarga berpendapatan rendah cenderung meminjam daripada pelbagai institusi kewangan bagi menampung kos perayaan dan perbelanjaan ritual dan menjadikan perbelanjaan perayaan sebagai penyumbang utama kepada masalah berhutang.

b) Cabaran Sosial

Seterusnya, sambutan Chithirai Puthandu turut berdepan dengan cabaran sosial dalam kalangan masyarakat India, khususnya dari segi kekangan masa dan

perubahan gaya hidup. Ketiadaan cuti khas bagi perayaan ini menyebabkan sebahagian masyarakat tidak dapat menyambutnya secara menyeluruh. Menurut Informan 4, *“...ada juga orang yang tidak menyambut perayaan Chithirai Puthandu ini sebab tiada cuti khas bagi perayaan ini, mereka pun tidak pergi ke kuil...”* (Informan 4, Tem Bual, 11 September 2025). Dapatan menjelaskan ketiadaan cuti khas bagi perayaan menyebabkan ramai hanya mampu melakukan ibadah di rumah sahaja. Ini juga membawa pengurangan suasana kebersamaan keluarga dalam perayaan tersebut.

Selain itu, perubahan sikap dan keutamaan generasi muda turut menjadi cabaran sosial dalam sambutan Chithirai Puthandu. Penglibatan masyarakat ke kuil semakin berkurangan dan nilai penghormatan terhadap ritual tradisional dilihat semakin merosot. Menurut Informan 1, *“...zaman sekarang dah kurang dah penglibatan masyarakat ke kuil, generasi muda tak bagi keutamaan macam orang tua dulu...”* (Informan 1, Temu Bual, 12 September 2025). Perubahan nilai sosial dan pengaruh gaya hidup moden ini menjejaskan kesinambungan amalan komuniti serta proses pemindahan warisan budaya daripada generasi lama kepada generasi baharu. Dapatan ini selari dengan kajian Ghosh dan Khurana (2024) yang mendapati wujud perbezaan ketara dalam persepsi terhadap perayaan keagamaan antara generasi di mana generasi muda cenderung melihat perayaan secara lebih individualistik berbanding generasi lebih tua yang menekankan aspek spiritual, kebajikan komuniti dan hubungan interpersonal.

c) Cabaran Teknologi

Selain itu, perkembangan teknologi turut menjadi cabaran sosial yang mempengaruhi cara masyarakat India menyambut Chithirai Puthandu. Penggunaan teknologi komunikasi seperti WhatsApp, Instagram dan TikTok menyebabkan interaksi sosial dalam perayaan semakin bersifat maya. Hal ini dinyatakan oleh Informan 5, “..sekarang semua guna WhatsApp,cuma taip ucapan...” (Informan 5, Temu Bual, 20 September 2025). Dapatan ini selari dengan pandangan Lakmali (2025) yang menjelaskan bahawa pengaruh teknologi moden telah mengubah cara masyarakat menyambut tahun baru di mana amalan bersemuka semakin digantikan dengan komunikasi melalui mesej teks, panggilan video dan media sosial.

Perubahan ini menunjukkan bahawa walaupun sambutan Chithirai Puthandu masih diteruskan bentuk interaksi sosialnya semakin beralih daripada hubungan fizikal kepada hubungan maya dan juga mengurangkan amalan tradisional seperti kunjungan rumah ke rumah dan interaksi secara langsung yang sebelum ini mengukuhkan semangat kekeluargaan dan komuniti.

d) Cabaran Pemodenan

Pemodenan merupakan antara cabaran utama dalam usaha melestarikan amalan tradisi semasa sambutan Chithirai Puthandu. Dapatan temu bual menunjukkan bahawa perubahan dalam bentuk perhiasan tradisional semakin ketara apabila penggunaan bahan asli digantikan dengan bahan replika. Informan 1 menyatakan bahawa, “...daun kelapa pun dah ada jual replika, kolam pun sama cara hiasan tradisional makin hilang...” (Informan 1, Temu Bual, 12 September

2025). Penggunaan bahan replika ini mencerminkan kesan pemodenan yang memudahkan persediaan perayaan namun pada masa yang sama berpotensi mengurangkan nilai keaslian budaya dalam sambutan Chithirai Puthandu.

Selain itu, cabaran pemodenan turut dikaitkan dengan pengaruh budaya luar yang semakin kuat dalam kalangan generasi muda. Informan 5 menjelaskan bahawa, “...*generasi muda sekarang dipengaruhi dengan budaya barat, memberi kesan kepada budaya asal kita...*” (Informan 5, Temu Bual, 20 September 2025). Pengaruh ini menimbulkan kebimbangan terhadap kecenderungan generasi muda untuk meniru gaya hidup moden sehingga mengabaikan nilai dan amalan tradisional yang menjadi teras kepada perayaan tersebut.

Kebimbangan ini turut disuarakan oleh Informan 6 yang menegaskan bahawa pemodenan berlebihan dalam sambutan perayaan boleh menghakis identiti budaya Chithirai Puthandu. Menurut beliau, “...*tak perlu tukar kepada moden... nanti hilang identitinya...*” (Informan 6, Temu Bual, 28 October 2025). Kenyataan menunjukkan kebimbangan bahawa generasi baharu berisiko melihat perayaan sebagai aktiviti rutin semata-mata tanpa memahami nilai tradisional.

Secara keseluruhannya, cabaran pemodenan yang mempengaruhi sambutan Chithirai Puthandu menunjukkan bahawa perubahan gaya hidup moden dan pengaruh budaya luar berpotensi mengurangkan keaslian amalan tradisi serta melemahkan pemaknaan budaya dalam kalangan generasi muda. Situasi ini selari dengan pandangan Angkasawati (2024) yang menegaskan bahawa amalan tradisional boleh kehilangan relevansi apabila nilai baharu yang dipengaruhi oleh globalisasi semakin mendominasi kehidupan masyarakat. Justeru, dapatan kajian ini mengukuhkan keperluan untuk mengekalkan elemen tradisi dalam

sambutan Chithirai Puthandu agar nilai warisan budaya dapat terus dipelihara dan diwarisi secara berterusan.

4.10 Kesimpulan

Selain itu, dapatan kuantitatif melalui borang soal selidik memberi gambaran yang lebih luas tentang tahap penglibatan, kefahaman, ritual, amalan keagamaan, amalan budaya pengekaln warisan serta cabaran sambutan Chithirai Puthandu. Analisis purata dan sisihan piawai menunjukkan masyarakat masih mengekalkan perayaan ini walaupun berdepan cabaran ekonomi, sosial dan perubahan moden. Secara ringkasnya, hasil kajian menunjukkan bahawa Chithirai Puthandu masih mempunyai kedudukan penting dalam kalangan masyarakat India di Nilai. Perayaan ini terus berperanan dalam mengekalkan identiti budaya, mengeratkan hubungan keluarga dan menjadi medium pewarisan tradisi kepada generasi seterusnya.

BAB 5

KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1 Pengenalan

Bab ini menjelaskan tentang kesimpulan dan cadangan keseluruhan bab di dalam kajian secara ringkas. Kesimpulan merangkumi bab satu, dua, tiga dan empat. Dalam bab lima juga menekankan cadangan kajian yang boleh dijalankan oleh pengkaji lain.

5.2 Rumusan Bab

Kajian Persepsi Masyarakat India terhadap Amalan Perayaan Chithirai Puthandu di Nilai, Negeri Sembilan dijalankan untuk mengenal pasti amalan Chithirai Puthandu dalam masyarakat India setempat. selain itu, kajian ini juga dijalankan untuk mengkaji persepsi generasi muda masyarakat India di Nilai terhadap sambutan Chithirai Puthandu. Akhir sekali, kajian ini bertujuan menganalisis langkah-langkah untuk melestarikan Chithirai Puthandu dalam kalangan masyarakat India di Nilai, Negeri Sembilan. Oleh itu, kajian ini mengandungi lima bab yang merangkumi beberapa subtopik bagi mencapai ketiga-tiga objektif tersebut.

Bab satu membincangkan mengenai keseluruhan pengenalan kajian. Hal ini merangkumi pengenalan, kajian, objektif kajian dan juga persoalan kajian serta skop kajian. Bab ini turut menerangkan kepentingan kajian terhadap individu, masyarakat dan budaya. Permasalahan kajian yang dapat dikenal pasti adalah Chithirai Puthandu berisiko kehilangan aspek ritual dan nilai budaya akibat perubahan sosial dan gaya hidup moden. Kesan keseimbangan dan kekurangan pengetahuan masyarakat mengenai sambutan ini membuktikan bahawa sistem pendidikan dan media perdana tidak mencukupi atau memberi pendedahan budaya yang pelbagai di Malaysia. Oleh itu, kajian ini dijalankan

bagi mengkaji tahap kefahaman dan amalan masyarakat India terhadap sambutan Chithirai Puthandu. Kajian ini hanya berfokuskan kepada masyarakat India yang menyambut Chithirai Puthandu di kawasan Nilai, Negeri Sembilan.

Seterusnya, bab dua pula menjelaskan kajian literatur dan aplikasi teori. Kajian literatur berfokuskan kepada pemahaman tentang definisi, bentuk dan kepentingan warisan tidak ketara menurut UNESCO dan Akta Warisan Kebangsaan serta kepelbagaian perayaan dalam kalangan masyarakat majmuk di Malaysia. Bab ini turut meneliti secara khusus perayaan Chithirai Puthandu sebagai salah satu bentuk warisan budaya tidak ketara masyarakat India serta menerangkan bentuk pemeliharaan yang boleh dilaksanakan berpandukan prinsip dan perjanjian rasmi dalam UNESCO 2003. Teori Identiti Budaya oleh Hall diaplikasikan dalam kajian ini dengan berdasarkan artikel *Who Needs Identity?* (2012) dan *Culture, Community, Nation* (2006) bagi menjelaskan bagaimana identiti budaya masyarakat India dibentuk dan dikekalkan melalui amalan perayaan seperti Chithirai Puthandu. Teori ini membantu mentafsir dapatan kajian dengan melihat perayaan tersebut sebagai medium pemeliharaan identiti dan warisan budaya tidak ketara dalam konteks perubahan sosial.

Selain itu, bab tiga menerangkan tentang metodologi kajian yang digunakan untuk mengumpul data berkaitan dengan tajuk kajian. Kedua-dua kaedah kualitatif dan kuantitatif digunakan dalam kajian ini. Pendekatan kualitatif menggunakan kaedah temu bual dan pemerhatian manakala pendekatan kuantitatif menggunakan kaedah survei terhadap responden. Kajian ini juga menggunakan data sekunder daripada buku, jurnal, artikel, dan sumber lain manakala data primer melalui teknik temu bual langsung, soal selidik survei, dan pemerhatian. Bab ini juga membincangkan tentang kaedah analisis data yang telah digunakan iaitu menggunakan analisis tematik daripada transkrip temu bual setelah memperoleh data melalui temu bual. Selain itu, data-data yang

dikumpul berdasarkan soalan soal selidik dianalisis menggunakan kaedah deskriptif statistik.

Bab empat pula menghuraikan tentang dapatan kajian daripada temu bual dan borang survei yang telah diedarkan kepada masyarakat India. Ketiga-tiga data objektif kajian ini dihuraikan dan dianalisiskan untuk memperoleh data kajian “Perspektif masyarakat India terhadap Amalan Perayaan Chithirai Puthandu di Nilai, Negeri Sembilan”. Maklumat dan data diperoleh daripada hasil temu bual bersama enam orang informan dianalisis dengan menggunakan analisis tematik daripada transkrip temu bual. Borang survei pula telah diedarkan kepada 300 orang responden yang merupakan penduduk masyarakat India di Nilai, Negeri Sembilan.

5.3 Dapatan Utama

Dapatan kajian utama diperoleh daripada kajian ini antaranya ialah tahap kefahaman masyarakat India terhadap sambutan Chithirai Puthandu berada pada tahap yang tinggi. Majoriti responden memahami Chithirai Puthandu sebagai tahun baharu masyarakat India yang disambut setiap tahun dan melambangkan permulaan baharu dalam kehidupan. Hal ini membuktikan bahawa perayaan Chithirai Puthandu masih difahami dan diamalkan sebagai sebahagian daripada identiti budaya masyarakat India. Selain itu, dapatan kajian mendapati bahawa amalan ritual dan budaya masih menjadi elemen penting dalam sambutan Chithirai Puthandu. Antara amalan yang dikenal pasti ialah sembahyang di rumah dan di kuil, penggunaan daun mangga dan daun kelapa sebagai hiasan simbolik, penyediaan makanan tradisional, pemakaian pakaian tradisional serta penglibatan dalam aktiviti budaya bersama keluarga dan komuniti. Amalan-amalan ini berperanan dalam mengekalkan nilai keagamaan, kekeluargaan dan kesinambungan tradisi dalam kalangan masyarakat India.

Akhir sekali, kajian ini mendapati bahawa sambutan Chithirai Puthandu

dilaksanakan dalam pelbagai bentuk mengikut kemampuan dan konteks kehidupan masyarakat India. Walaupun bentuk sambutan berbeza antara keluarga, amalan asas perayaan ini masih dikekalkan sebagai satu usaha mengekalkan kesinambungan tradisi dan identiti budaya. Keadaan ini menunjukkan bahawa sambutan Chithirai Puthandu penting untuk terus dipelihara secara bersama agar nilai budaya, keagamaan dan kekeluargaan yang terkandung dalam perayaan ini kekal diamalkan serta menjadi medium pewarisan warisan budaya kepada generasi akan datang.

5.4 Cadangan

Pemuliharaan dan penghayatan warisan budaya merupakan tanggungjawab bersama, khususnya dalam kalangan masyarakat India yang menyambut perayaan Chithirai Puthandu. Dalam kajian ini, sambutan Chithirai Puthandu dilihat sebagai satu cara penting untuk mengekalkan identiti dan kesinambungan budaya masyarakat India. Isu perubahan gaya hidup moden dan kekangan masa menyebabkan sebahagian amalan ritual serta nilai budaya semakin berkurangan. Oleh itu, beberapa cadangan dikemukakan bagi memastikan amalan dan warisan budaya Chithirai Puthandu terus dipelihara dan kekal relevan dalam kehidupan masyarakat masa kini.

5.4.1 Peranan Pihak Berkepentingan

Sepanjang kajian ini dijalankan, pengkaji mendapati bahawa pendedahan terhadap makna dan amalan Chithirai Puthandu masih terhad khususnya dalam pendidikan formal. Oleh itu, kajian akan datang boleh meneliti peranan institusi pendidikan, badan kebudayaan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), pertubuhan masyarakat India serta ibu bapa dalam memperkenalkan dan memperkukuh kefahaman berkaitan perayaan ini. Ibu bapa berperanan mendidik anak-anak di

rumah tentang nilai dan amalan perayaan, manakala NGO dan institusi pendidikan boleh menganjurkan program kebudayaan, ceramah dan aktiviti sambutan. Usaha ini penting bagi memastikan warisan budaya Chithirai Puthandu terus difahami dan diamalkan oleh generasi muda.

5.4.2 Kajian Mendalam Terhadap

Selain itu, kajian ini juga mendapati bahawa bentuk sambutan dan amalan ritual Chithirai Puthandu berbeza mengikut keluarga dan konteks kehidupan masyarakat. Oleh itu, kajian mendalam boleh dijalankan bagi meneliti perubahan amalan ritual dari aspek keagamaan, budaya dan sosial selaras dengan perkembangan masyarakat moden. Kajian yang lebih terperinci ini mampu memberi gambaran yang lebih jelas tentang bagaimana ritual tradisional disesuaikan tanpa menghilangkan nilai simbolik dan identiti budaya masyarakat India.

5.4.3 Pendokumentasi Dan Pewarisan Budaya

Pengkaji mencadangkan agar usaha mendokumentasikan amalan, ritual dan nilai budaya Chithirai Puthandu diperkukuhkan melalui kajian akademik, rakaman lisan dan penulisan ilmiah. Usaha ini penting sebagai rujukan kepada pengkaji masa depan serta medium pewarisan budaya kepada generasi muda. Melalui cara ini sambutan Chithirai Puthandu dapat terus dipelihara sebagai warisan budaya yang bermakna dan relevan dalam kehidupan masyarakat India di Malaysia.

RUJUKAN

- Ajayi, V. O. (2023). A review on primary sources of data and secondary sources of data. *European Journal of Education*, <https://ssrn.com/abstract=5378785> or <http://dx.doi.org/10.2139/ssrn.5378785>
- Angkasawati, A. (2024). The impact of modernization on social and cultural values: A basic social and cultural sciences review. *International Journal of Education, Vocational and Social Science*, 3(04), 56–65.
- Bernama. (2020). Hari Malaysia: Semarakkan semangat kebersamaan. *Bernama*. <https://www.bernama.com/bm/tintaminda/news.php?id=1879817>
- Bernama. (2023). Sambutan Hari Kebangsaan 2023 luar biasa, perlihat perpaduan kaum di Malaysia – TPM. *Bernama*. <https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2221274>
- Bernama. (2023). Malaysia's diversity must be preserved and appreciated. *Bernama*.
- Bowling, A., & Ebrahim, S. (Eds.). (2005). *Handbook of health research methods: Investigation, measurement and analysis*
- Braun, V., & Clarke, V. (2012). Thematic analysis. In H. Cooper, P. M. Camic, D. L. Long, A. T. Panter, D. Rindskopf, & K. J. Sher (Eds.), *APA handbook of research methods in psychology, Vol. 2: Research designs: Quantitative, qualitative, neuropsychological, and biological* (pp. 57–71). American Psychological Association.
- Chera, M. (2020). *Tamil traditions: Women cooking and eating for heritage and health in South India* (Doctoral dissertation, Indiana University). ProQuest Dissertations Publishing.
- Cope, M. (2009). Transcripts (coding and analysis). In *International Encyclopedia of Human Geography*
- Creswell, J. W. (2003). *Research design: Qualitative, quantitative, and mixed methods approaches (2nd ed.)*. SAGE Publications.

- Cudny, W. (2014). Festivals as a subject for geographical research. *Geografisk Tidsskrift-Danish Journal of Geography*, 114(2), 97–113.
- Das, T. (2025). Puthandu 2025: Know all about date, significance and celebration of Tamil New Year. *Hindustan Times*.
<https://www.hindustantimes.com/lifestyle/festivals/puthandu-2025-know-all-about-date-significance-and-celebration-of-tamil-new-year-101744541237654.html>
- Del Barrio, M. J., Devesa, M., & Herrero, L. C. (2012). Evaluating intangible cultural heritage: The case of cultural festivals. *City, Culture and Society*, 3(4), 235–244.
- DiCicco-Bloom, B., & Crabtree, B. F. (2006). The qualitative research interview. *Medical Education*, 40(4), 314–321.
<https://doi.org/10.1111/j.1365-2929.2006.02418.x>
- Elyta, E. (2021). Gawai Dayak Festival and the increase of foreign tourist visits. *Jurnal Global & Strategis*, 15(1), 167–186.
- Falassi, A. (1987). Festival: Definition and morphology. In A. Falassi (Ed.), *Time out of time*. University of New Mexico Press.
- Fibiger, M. Q. (2017). Alike but different: The understanding of rituals among Sri Lankan Tamil Hindus in Denmark. *Journal of Ethnic and Migration Studies*.
- Francis, R., Wan Zainodin, W. H., Saifuddin, A. H., & Ahmadrashidi, N. (2023). The role of Social Media Platforms In Promoting Kaamatan Festival During COVID-19 Pandemic. *International Journal of Academic Research in Environment and Geography*.
https://hrmars.com/papers_submitted/16729/the-role-of-social-media-platforms-in-promoting-kaamatan-festival-during-covid-19-pandemic.pdf
- Gartenstein-Ross, D., & Frum, L. (2012). Terror in the peaceable kingdom: Understanding and addressing violent extremism in Canada. Washington, D.C.: FDD Press
- Ghosh, P. D., & Khurana, D. (2024). Perception of religious festivals across generations and its impact on youth value. *ShodhKosh: Journal of Visual and Performing Arts*, 5(1), 2255–2261.

- Gosai, P. (2018). Kolam: A cultural art form in India. *Aayushi International Interdisciplinary Research Journal*, 5(3).
- Goussous, J. (2022). Intangible heritage and sustainable development strategies. *Problems of Sustainable Development*, 17(2), 204–209.
- Hall, S. (2006). Cultural studies and its theoretical legacies. In S. Hall (Ed.), *Cultural studies and its theoretical legacies* (pp. 272–285). Routledge.
- Hall, S. (2011). Introduction: Who needs ‘identity’? In *Questions of cultural identity* SAGE Publications Ltd. (pp. 1–17).
- Ismail, H. (2023). Taufiq Yap wants better ‘social chemistry’ among Malaysians. *Bernama*. <https://bernama.com/en/news.php?id=2218933>
- Hammersley, M., & Atkinson, P. (2007). *Ethnography: Principles in practice* (3rd ed.). Routledge.
- Baharin, H. (2025). 2 juta pengunjung banjiri Batu Caves sempena Thaipusam. *Berita Harian*.
<https://www.beritaharian.sg/malaysia/2j-pengunjung-banjiri-batu-caves-sempera-thaipusam>
- Hindu Council of Australia. (2024, April 12). Tamil New Year Festival. *Hindu Council of Australia*. <https://hinducouncil.com.au/tamil-new-year-festival/>
- Jabatan Penerangan Malaysia. (2017). *Buku Rasmi Tahunan: Bab 2, Profil Negara* (pp. 62–63). Jabatan Penerangan Malaysia.
https://dbook.penerangan.gov.my/dbook/dmdocuments/malaysia_2017/files/downloads/malaysia_2017.pdf
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2023). *Populasi N.10 Nilai adalah sebanyak 119,613 penduduk: Apakah ciri-ciri populasi tersebut?*. Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Department of Statistics Malaysia. (2025). *Demographic statistics, fourth quarter 2024*. https://www.dosm.gov.my/uploads/contentdownloads/file_20250213122755.pdf
- Kaur, R., & Tiwari, V. (2025). Reviving heritage: The brand culture of Indian wear in contemporary India. *Journal of Information Systems Engineering and Management*.

- Khan, S. Y. (2021). New beginning: A pseudo-concept in Shakespearean art. *Students' Times*, 1, 13–15. Tehseel: Islamic Research Academy.
- Khoo, K. K. (1971). Latar belakang sejarah masyarakat India dan China di Tanah Melayu. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics and Strategic Studies*. <https://journalarticle.ukm.my/558/1/1.pdf>
- Kamarzaman, N. A., & Abu Bakar, I. (2020). Hindu festivals in Malaysia and their food as unity tools: A qualitative study. *International Journal of Allied Health Sciences*, 4(3), 1150–1161.
- Krishnan, D. B. (2025). *Four cultures, one date: How Malaysia's Indian communities celebrate New Year together*. Malay Mail.
- Kora, A. J. (2019). Leaves as dining plates, food wraps and food packing material: Importance of renewable resources in Indian culture. *Bulletin of the National Research Centre*.
- Krishnan, D. B. (2024). From Vishu to Vaisakhi, four Indian ethnic groups ring in their new years this weekend. *Malay Mail*.
- Lakmali, M. M. N. M. (2023). A comparative study of cultural rituals of Chinese Spring Festival and Sinhala Tamil New Year Festival. *European Journal of Foreign Language Teaching*, 8(2), 45–61.
- Matondang, S. A. (2016). The revival of Chineseness as a cultural identity in Malaysia. *Khazar Journal of Humanities and Social Sciences*, 19(4), 56–70.
- Merriam, S. B. (2009). *Qualitative research: A guide to design and implementation*. Jossey-Bass.
- Majlis Bandaraya Seremban. (2025). *Sejarah Bandar Nilai*. Portal Rasmi Majlis Bandaraya Seremban. <https://www.mbs.gov.my/ms/pesona-seremban/info-seremban/sejarah-daerah-seremban/bandar-nilai>
- M, M. A. (2023). Sacred sustenance – A culinary voyage through Hinduism's traditions, tales and customs. *International Journal of Science and Social Science Research*, 1(3), 127–134.

- Muniandy, A. (2024). *Embracing heritage: Chetti Melaka's Chithirai Puthandu jubilation*. *Varnam Malaysia*.
- MyGovernment. (2019). *Perayaan dan festival*. Maklumat Malaysia. <https://www.malaysia.gov.my/portal/search?key=perayaan%20di%20malaysia>
- Naderifar, M., Goli, H., & Ghaljaie, F. (2017). Snowball sampling: A purposeful method of sampling in qualitative research. *Strides in Development of Medical Education*, 14(3), e67670.
- Nithya, P., & Thangaraju, S. (2025). A review on the role of Tamil culture in progressive of South Indian identity in globalized era. *International Journal of Innovative Research in Technology*, 12(2), 3371–3376.
- Kamarzaman, N. A., & Abu Bakar, I. (2020). Hindu festivals in Malaysia and their food as unity tools: A qualitative study. *International Journal of Allied Health Sciences*, 4(3), 1150–1161. <https://journals.iium.edu.my/ijahs/index.php/IJAHs/article/view/476>
- Kutty, R. R. (2021). Malaysia's festivals call for celebration by all. *The Vibes*. <https://www.thevibes.com/articles/opinion/26777/malaysias-festivals-call-for-celebration-by-all-ravindran-raman-kutty>
- Pimentel, J. L. (2010). A note on the usage of Likert scaling for research data analysis, *USM R&D* 18(2) 109–112.
- Petrocchi, A. (2017). Calendars, rituals, and astral science in India: A case study. In *Asian literature and translation* Cardiff University (pp. 1–xx). <https://orca.cardiff.ac.uk/id/eprint/99684/1/642-1536-2-PB.pdf>
- Radzuan, A. W., Osman, N. I. M., Mohd Norazman, M. S., & Mohd Shaari, S. N. D. (2024). Community-driven approaches to safeguarding intangible cultural heritage of Malaysia. *Journal of Tourism, Hospitality and Environment Management*, 9(37), 94–103.
- Razali, S. A. (2025). 1.5 juta pengunjung hadir sambutan Thaipusam di Batu Caves. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/02/1359974/15-juta-pengunjung-hadiri-sambutan-thaipusam-di-batu-caves>

- Sahoo, R. K. (2022). Interview as a tool for data collection in educational research.
- Satapathy, S. (2023). Observation as a tool for collecting data. *International Journal of Multidisciplinary Educational Research*
- Silverman, D. (2014). *Interpreting qualitative data: A guide to the principles of qualitative research* (5th ed.). SAGE Publications.
- St. Martin, K., & Pavlovskaya, M. (2007). Secondary data: Engaging numbers critically. In J.P.Jones III & B. Gomez (Eds.), *Research methods in geography: A first course* (Chapter 11).
- Stratton, S. J. (2024). Purposeful sampling: Advantages and pitfalls. *Prehospital and Disaster Medicine*, 39(2), 121–122.
- Subaramaniam, K. (2024). A cultural relativism perspective of vegetarian diet: No egg or no garlic and no onion. *Jurnal Sains Sosial*.
- The Patriots. (2017). Jom kenali masyarakat Cina di Malaysia. *The Patriots*.[Jom Kenali Masyarakat Cina Di Malaysia - The Patriots](#)
- Ugwu, C. N., & Eze, V. H. U. (2023). Qualitative research. *IDOSR Journal of Computer and Applied Sciences*, 8(1), 20–35.
- UNESCO (2003). *Convention for the safeguarding of the intangible cultural heritage* (2003 Convention; Basic texts, 2022 version).
- UNESCO, (2005). *Mak Yong Theater*. [Mak Yong theatre - UNESCO Intangible Cultural Heritage](#)
- UNESCO, (2019). *Silat*. [Silat - UNESCO Intangible Cultural Heritage](#)
- UNESCO, (2020). *Ong Chun/Wangchuan/Wangkang ceremony, rituals and related practices for maintaining the sustainable connection between man and the ocean*.
- UNESCO, (2024). *Kebaya: Knowledge, Skills, Traditions And Practices*.
[Kebaya: knowledge, skills, traditions and practices - UNESCO Intangible Cultural Heritage](#)
- Uthaya Sankar SB. (2023, March 22). *Tahun baharu kaum India*. Harapan Daily.
<https://harapandaily.com/2023/03/22/tahun-baharu-kaum-india/>

- Vijaya Sankar, L. (2015). Women's roles and participation in rituals in the maintenance of cultural identity: A study of the Malaysian Iyers. *SEARCH: The Journal of the South East Asia Research Centre for Communication and Humanities*, 7(1).
- Williams, J. P. (2008). Nonparticipant observation. In L. M. Given (Ed.), *The SAGE encyclopedia of qualitative research methods*. SAGE Publications. (pp. 561–562).
- Yatim, H., Jayadi, K., Jamilah, J., Abduh, A., & Prusdianto, P. (2025). *Integrating cultural heritage into education: The supportive role of schools in traditional festivals in West Sulawesi*. *Discover Education*, 4, Article 379.
- Yuszaidy, M. Y., Hanapi, D., & Ab Samad, K. (2011). Akta Warisan Kebangsaan, 2005: Tinjauan sepintas lalu / National Heritage Act, 2005: A review. *Jurnal Melayu*, 8, 173–188.